



قاسم بروني Pelita Brunei


DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 24

RABU 13 JUN, 1984.

رابعو 14 رمضان 1404

PERCUMA



Duta Besar ke Filipina serah Watikah

TUAN Yang Terutama Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Republik Filipina, Awang Ahmad bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd Yusof telah menyampaikan Watikah Perlantikannya kepada Presiden Ferdinand Marcos.

Majlis penyampaian Watikah Perlantikan itu telah dilangsungkan di Istana Malacanang, di ibu negara Filipina pada 22 Mei yang lalu. (gambar atas)

Awang Ahmad dilantik sebagai Duta Besar Negara ini ke Filipina dalam bulan April yang lalu.

Sebelum lantikan tersebut, beliau memegang jawatan sebagai Pegawai Daerah Tutong.

Kedutaan Negara Brunei Darussalam ditubuhkan awal tahun ini dan sekarang mempunyai empat orang pegawai dan kakitangan.

PERINTAH DARURAT PENCEGAHAN RASUAH

DALAM menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh Ceraian (3) dari Bab 83 Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat Perintah berikut pada 24 Mei 1984. Perintah ini digelar sebagai Perintah Darurat (Pencegahan Rasuah) (Pindaan), 1984.

2. Pindaan-pindaan adalah seperti berikut:—

- Bab Kecil 17(2) — Kesalahan-kesalahan yang diberikan pertimbangan
- Bab 23A — Kuasa-kuasa khas penyiasatan.
- Bab 23B — Had-had ke atas harta benda yang di buang dll.
- Bab 23C — Penyerahan dokumen-dokumen per-jajanan.
- Bab 24A — Kemasukan kenyataan-kenyataan, dll

f) Pelaksanaan Bab 24A.

g) Pindaan Jadual kepada Perintah Utama dengan memasukkan yang berikut:—

- Loji Gas Cecair Asli Brunei Berhad.
- Coldgas Brunei Berhad.

BAB 17(2)

Dalam Bab 17(1) apabila seseorang didapati salah kerana menerima suapan dia akan dijatuhkan hukuman di atas kesalahan dan wang suapan yang diterima hendaklah dibayar kepada mahkamah sebagai denda seperti yang diperintahkan oleh Mahkamah dan jika gagal membayar denda dia akan dikenakan hukuman kerana kegagalan itu.

Di bawah Bab 17(2) apabila seseorang didakwa di Mahkamah kerana beberapa kesalahan menerima suapan dan dia didapati bersalah dalam sebahagian dari dakwaan tersebut, maka kesemua kesalahan yang ianya didakwa

akan diberikan pertimbangan di waktu hukuman dikenakan dan dia dikehendaki membayar kesemua jumlah wang yang diterima bagi kesalahan pertama kepada Mahkamah. Kegagalan membayar denda akan dikenakan hukuman penjara.

Bab 23A

Bab ini sekarang membawa kita setanding dengan Undang-Undang di Hong Kong, Malaysia dan Singapura di mana mereka-

Lihat muka 16

PENUBUHAN SEKOLAH PPN PILIHAN YANG TEPAT

BERAKAS. — Pemangku Pesuruhjaya Buruh, Awang Omar bin Haji Serudin menyatakan penubuhan sebuah sekolah Persatuan Pendidik Nasional sebagai kegiatan utama Syarikat Kerjasama persatuan itu memanglah tepat di mana ianya akan dikendalikan dan ditadbir oleh pendidik-pendidik yang menyedari pentingnya pelajaran serta mendukung dasar pelajaran negara.

Dalam hal ini, beliau berkata, para ibu bapa tidak akan mempunyai prasangka yang buruk terhadap kewibawaan sekolah itu nanti kerana ianya di bawah naungan prinsip syarikat kerjasama di mana keahliannya terbuka bukan sahaja untuk para pendidik tetapi untuk orang ramai yang ingin memperjuangkan pencapaian dan peningkatan mutu pelajaran.

Berucap ketika merasmikan Mesyuarat Agung Syarikat Kerjasama Persatuan Pendidik Nasional, Awang Omar berkata sebagai pertubuhan yang bergantung penghidupannya kepada masyarakat dan kegiatan ekonominya adalah satu peralatan masyarakat maka Syarikat Kerjasama tidak boleh hidup dalam jangka masa yang panjang kecuali ia boleh memenuhi kehendak masyarakat dan tugas-tugas yang dibebankan oleh masyarakat.

Majlis tersebut diadakan di Rumah PPN 1460 Batu 6½ Kampong Lambak pada malam hari Khamis lepas.

"Syarikat Kerjasama telah diakui sebagai alat pembawa perubahan sosioekonomi di mana masyarakat berharap ia akan mengawal dan memajukan kelemahan-kelemahan masyarakat yang mana ianya mempunyai objektif tertentu bertugas sebagai sosial organisma kegiatan ekonomi

yang juga bertindak sebagai ejen pelaksana ke arah kemajuan masyarakat," ujarnya.

Seterusnya Awang Omar menyatakan pemberian perkhidmatan yang baik dan mutu yang tinggi merupakan salah satu prinsip Syarikat Kerjasama dan dengan ini bertepatanlah tujuan Persatuan Pendidik Nasional menubuhkan Syarikat Kerjasama Sekolah yang bermaksud untuk memberikan perkhidmatan pelajaran yang tinggi.

Kejayaan Syarikat Kerjasama tambahnya adalah terletak kepada sikap dan penyertaan ahli-ahlinya dan bukan kumpulan individu secara 'random' malah mereka adalah kumpulan sosioekonomi yang mempunyai minat yang satu dan sikap yang sama.

Syarikat Kerjasama adalah alat pengubah corak sosioekonomi ahli-ahlinya dan juga masyarakat di mana syarikat itu tidak akan berkesan sebagai alat moral perubahan sosioekonomi kecuali ahli-ahlinya aktif dan benar-benar mengamalkan prinsip ideologi Syarikat Kerjasama, jelas Awang Omar selanjutnya.

Lantikan Amil

MAJLIS Ugama Islam mengumumkan bahawa Awang Sufri bin Ibrahim telah dilantik menjadi Amil bagi kawasan Bandar Seri Begawan I yang mengandungi Kampong Sumbiling Lama dan Jalan Istana Darussalam untuk mengutip Zakat Fitrah dan harta bagi tahun 1984, bagi menggantikan Amil yang telah dilantik iaitu Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Awang Haji Musa bin Awang Hitam yang telah kembali ke rahmatullah.

Awang Omar seterusnya menyatakan adalah bertepatan dengan namanya PPN memilih sekolah sebagai projek utamanya yang mana penyertaan ahli-ahlinya membuktikan penglibatan yang cergas di dalam hal-hwal masyarakat. Beliau berharap perkembangan Syarikat Kerjasama PPN hendaklah di luaskan di bidang-bidang yang berkaitan dengan pendidikan seperti kutubkhanah, buku, peralatan sekolah dan sukan, pusat ria penuntut dan lainnya.



PENGIRAN Dr. Ismail bin Pengiran Haji Damit

Lantikan Setiausaha Tetap II

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan melantik Pengiran Dr Ismail bin Pg Haji Damit sebagai Setiausaha Tetap II merangkap Pengarah Kerja Raya dalam Kementerian Pembangunan. Lantikan tersebut bermula pada 29 Mei, 1984.

Awang Haji Mohd Salleh bin Haji Hidup kini dikenali sebagai Setiausaha Tetap I Kementerian Pembangunan.

Empat didenda kerana tak puasa

Di Mahkamah Kadi Daerah Brunei/Muara empat orang telah dihadapkan kerana didapati minum dan menghisap rokok di khalayak ramai dalam bulan puasa ini. Mereka ialah —

1. Ali bin Jaya — dari Kampong Tanah Jambu.
2. Ak. Umar bin Pg. Haji Metali — dari Pantai Muara.
3. Awang Zaini bin Awang Haji Sibin — dari Kampong Sungai Buloh.
4. Abd. Lamit bin Shahril — dari Kampong Sungai Kebun.

Mahkamah Kadi Brunei/Muara pada 4 Jun, 1984 dan Mahkamah mendapati mereka bersalah dan menjatuhkan hukuman denda sebanyak \$40.00 tiap-tiap seorang.

Mereka telah membayar denda masing-masing.

MANISNYA IMAN

"KATAKAN : Sesungguhnya sembahyangku, pengorbananku, hidupku dan matiku — semuanya kerana Allah, Tuhan semesta alam." — Makna ayat 162 Surah Al-An'am.



13 JUN, 1984

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

KEGIATAN LUAR DI SEKOLAH-SEKOLAH: SUATU PENDEKATAN BARU

SEJAUH manakah kegiatan luar di sekolah-sekolah telah diberikan perhatian?

Pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan baru-baru ini mengenai perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan menjadikan kegiatan luar di

sekolah-sekolah sama penting selepas hal-hal akademik dan pengendaliannya akan diuruskan oleh satu bahagian yang khusus dalam Jabatan Pelajaran bersama dengan pengendalian asrama dan rancangan permakanan, adalah sebahagian besar jawapan kepada soalan di atas. Ia tidak sahaja menyatakan perhatian berat Kerajaan bahkan juga menjelaskan tentang pengiktirafan Kerajaan terhadap kepentingan kegiatan-kegiatan luar di sekolah-sekolah sebagai satu cara memupuk kesedaran dalam mencapai matlamat 'nation building'.

Daripada pengumuman Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan itu kita diberi faham bahawa kegiatan luar yang diperkenalkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan itu ialah bertujuan untuk memupuk kesedaran beragama, bersusila, berdisiplin, berkesenian dan menolak budaya liar serta untuk kecerdasan jasmani, di samping menghubungkan para guru, ibu bapa dan pelajar.

Sebenarnya kegiatan luar sudahpun menjadi sebahagian daripada amalan dalam sistem pendidikan kita. Guru-guru telah mengambil peranan besar bukan sahaja pada mengenali tetapi juga pada menjadikannya

suatu rancangan tetap di sekolah-sekolah sekalipun dalam bentuk yang bermusim seperti sambutan-sambutan hari ibu bapa dan lain-lainnya. Tetapi dengan rancangan yang baharu diumumkan itu kita berfaham kegiatan luar akan menempati ruang-ruang yang khusus diadakan dan menjadi sama penting selepas hal-hal akademik. Ini sudah tentunya akan mendatangkan kesan dalam suasana persekolahan yang mana dapat diramalkan sebagai akan memperhebatkan minat murid-murid dan pelajar-pelajar serta juga guru-guru mereka kepada bidang-bidang tertentu dalam kegiatan luar itu.

Kita percaya minat yang sedemikian tidak akan menjejaskan kepentingan akademik bahkan apabila ia dilaksanakan dengan tersusun ia akan menolong mencerdaskan murid-murid dan pelajar-pelajar dalam pencapaian pelajaran. Kerana itu adalah sangat bijaksana jika rancangan yang diumumkan itu meliputi penglibatan guru-guru di mana mereka dimestikan bergiat sekurang-kurangnya dalam satu kegiatan luar dan sebagai galakannya ialah kegiatan mereka itu akan direkodkan sebagai satu 'merit' bagi mempertimbangan kenaikan pangkat, latihan lanjutan, pemohon dermasiswa dan termasuklah sokongan penyambungan kontrak untuk guru-guru yang diambil secara kon-

trak. Manakala bagi penuntut-penuntut pula kegiatan mereka akan diberi markah serta direkodkan.

Maka dengan galakan yang sedemikian yang kita percaya akan disertai dengan pengendalian yang berkesan di peringkat jabatan maka kegiatan luar di sekolah-sekolah akan muncul dalam bentuk yang lebih kemas dan tidak semata-mata merupakan kegiatan bermusim terutamanya bagi sebarang percaya yang diadakan. Dalam bentuk lebih kemas itu juga kita boleh mengharapkan penekanan atau penumpuan kegiatan akan bermatlamatkan pencapaian suatu tahap pembentukan bangsa yang menekankan sifat kenegaraannya yang beragama, beraja dan bersopan-santun menurut adat istiadat yang telah turun-temurun iaitu satu penekanan bagi mengukuhkan asas-asasnya sebagai bangsa yang tahan menerima ujian zaman.

Ke arah penekanan yang sedemikian itu maka semua pihak yang terlibat dalam rancangan itu hendaknya akan menyambuti pengumuman yang dibuat itu dengan lega. Dan bagi rakyat pula hendaknya akan menyambutnya sebagai satu lagi perkembangan terbaharu yang akan mendatangkan faedah dalam jangka panjang dalam konteks pembangunan bangsa selepas merdeka.



JABATAN Penerangan kini membuka satu lagi cawangan barunya di Seria. Cawangan baru tersebut terletak di Jalan Raja Isteri berdekatan dengan Balai Polis Seria. Seperti juga di cawangan-cawangan lain, di cawangan ini akan mengendalikan tugas-tugas yang berhubung dengan penjualan buku-buku terbitan, mengeluarkan kenyataan-kenyataan Kerajaan yang berhubung dengan orang ramai di samping mengedarkan akhbar mingguan "PELITA BRUNEI". Gambar atas kelihatan Imam Masjid Seria membacakan doa selamat di majlis perasmian pada 30 Mei 1984 yang lepas. Gambar bawah menunjukkan bentuk bangunan pejabat cawangan baru di Seria.



Peraduan Senilukis dan Pertukangan Tangan

KUALA BELAIT. — Jawatankuasa Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ke-38 tahun bagi Daerah Belait akan menganjurkan Pameran dan Peraduan Senilukis dan Pertukangan Tangan.

Peraduan tersebut dikelolakan oleh Sekolah Inggeris Perdana Wazir ini terbuka kepada penduduk-penduduk; penuntut-penuntut dan murid-murid Daerah Belait.

Ianya dibahagikan kepada lima bahagian iaitu bahagian pertama terbuka kepada orang ramai yang berusia 18 tahun ke atas.

Bahagian kedua terbuka kepada penuntut-penuntut Sekolah Menengah Tingkatan empat dan lima.

Bahagian ketiga terbuka kepada penuntut-penuntut Tingkatan satu, dua dan tiga.

Bahagian keempat pula terbuka kepada murid-murid Sekolah Rendah dan Sekolah Persediaan yang berumur an-

tara enam hingga lapan tahun; dan antara sembilan hingga 12 tahun

Manakala bahagian kelima terbuka kepada murid-murid Tadika yang berumur lima tahun ke bawah.

Syarat-syarat dan borang-borang penyertaan serta keterangan lanjut boleh didapati dari Setiausaha Pengelola, Cikgu Ali bin Timbul, Sekolah Inggeris Perdana Wazir Kuala Belait; atau telefon No. 32906.

Tarikh tutup penyertaan ialah ada 16 Julai 1984.

BERBAGAI ACARA SAMBUT PERAYAAN KE-38

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jawatankuasa Sambutan Perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang ke-38 bagi Daerah Brunei dan Muara akan menganjurkan peraduan perarakan tanglung berjalan kaki, kereta berhias, pakaian anekaragam dan pancaragam antara maktab dan sekolah.

Syarat-syarat bagi menyertai peraduan kereta berhias ialah terbuka kepada jabatan-jabatan Kerajaan, firma, persatuan belia dan kebajikan, dan kumpulan-kumpulan serta orang-orang perseorangan. Kereta yang dihias tidak lebih daripada 11 kaki tinggi dan 10 kaki lebar dan tidak melebihi berat 7 tan. Penggunaan lampu suluh (spot light) tidak di benarkan.

Dalam peraduan basikal berhias ianya mestilah dikendalikan oleh seorang penunggang basikal dengan tidak dibantu oleh sesiapa serta bentuk basikal mestilah dapat dilihat. Peserta-peserta yang menyertai hendaklah berumur 15 tahun ke atas.

Manakala peraduan perarakan tanglung berjalan kaki terbuka kepada persatuan-persatuan dan maktab. Setiap pasukan sekurang-kurangnya mempunyai 50 orang peserta. Bagi pasukan-pasukan sekolah dan maktab hendaklah melebihi 60 orang peserta.

Bagi peraduan pakaian anekaragam para peserta tidak dibolehkan memakai menyerupai perempunan, dan begitulah sebaliknya, termasuk sifat-sifatnya. Pakaian yang menjolok mata serta apa jua jenis bendera tidak boleh digunakan.

Sementara itu bagi peraduan pancaragam sekolah dan maktab, setiap pasukan mestilah mengandungi 25 orang dengan membawakan lagu-lagu berirama Melayu. Setiap penyertaan hendaklah dihantar tidak lewat pada 28 Jun, jam 2 petang.

Perarakan tanglung dan kereta berhias

BELAIT. — Satu perarakan kereta berhias, tanglung berjalan kaki dan basikal berhias akan diadakan secara besar-besaran di Daerah Belait pada 28 Julai 1984 sempena sambutan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kali ke-38 bagi Daerah Belait.

Dengan ini adalah dimaklumkan khasnya kepada penduduk-penduduk Daerah Belait bahawa borang-borang untuk menyertai perarakan itu bolehlah didapati daripada Setiausaha Perarakan Haji Abang Morshidi bin Haji Abang Suhaili di Pejabat Pelajaran Bahagian Pendidikan Jasmani Kuala Belait dan tarikh tutup untuk menerima borang tersebut ialah pada 16 Julai 1984 jam 4.00 petang.

Setiausaha Perarakan juga memaklumkan bahawa perarakan-perarakan tersebut terbahagi kepada beberapa

bagian. Dalam bahagian tanglung ianya terbahagi kepada enam bahagian iaitu tanglung bahagian sekolah-sekolah rendah Kerajaan, Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab Kerajaan, Sekolah-sekolah Misi dan China, Kampung-kampung, Jabatan-jabatan Kerajaan dan Persatuan-persatuan, Kelab-kelab dan Pertubuhan-pertubuhan.

Bagi perarakan kereta berhias pula ianya terbahagi kepada dua bahagian iaitu kereta berhias untuk jabatan-jabatan bagi Daerah Belait sahaja dan kereta berhias untuk Syarikat-syarikat, Pemborong-pemborong, Kelab-kelab, Persatuan-persatuan, Pertubuhan-pertubuhan dan orang-orang perseorangan di Daerah Belait sahaja.

Sementara itu dalam bahagian perarakan basikal berhias ianya terbuka kepada orang ramai di Daerah Belait sahaja. — N.J.

Sambutan Nuzul Al-Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sambutan Nuzul Al-Quran akan diadakan di Masjid Kampong Kilanas pada hari Sabtu, 16 Jun.

Ini telah diputuskan dalam mesyuarat yang diadakan di Jabatan Hal Ehwal Ugama pada minggu lalu. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Persembangan Ugama, Awang Haji Ibrahim bin Pehin Orang Kaya Indera Laila Begawan

Dato Seri Utama Awang Haji Ismail telah dihadiri oleh pegawai-pegawai Jabatan Hal

Ehwal Ugama dan ahli-ahli jawatankuasa Masjid Kampong Kilanas.

Ujian memandu di Daerah Tutong

TUTONG. — Pejabat Pengangkutan Darat Daerah Tutong mengumumkan bahawa pejabat itu akan mengadakan ujian memandu di jalan raya bagi penduduk-penduduk di daerah tersebut mulai dari 1 Ogos 1984.

Sesiapa yang berhajat untuk mendapatkan ujian tersebut bolehlah menghadapkan permohonan mereka mulai dari 4 Julai 1984 di Cawangan Daerah Tutong.

ABDB CAPAI BERBAGAI PERKEMBANGAN



BRIGEDIER General J.P.W. Friedberger, Pemerintah ABDB.

BERAKAS. — Dalam masa 23 tahun sejak ianya ditubuhkan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah mengalami berbagai perkembangan dan mencapai banyak kemajuan.

Dari anggota seramai 60 orang yang mengasaskan Askar Melayu Diraja Brunei di tahun 1961, kini jumlah itu telah bertambah menjadi 3,800 orang lelaki dan wanita.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei,

Brigedier General J.P.W. Friedberger menyatakan demikian dalam perutusan nya sempena Ulangtahn Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke-23 tahun yang disambut penuh sederhana berunsurkan keugamaan di Padang Kawad, Berakas Garison pagi Khamis 31 Mei lepas.

Ulangtahn yang diraikan pagi itu, jelas beliau merupakan ulangtahn pertama bagi Angkatan Bersenjata setelah berada di dalam

era kemerdekaan dan diadakan secara sederhana saja kerana hampir dengan permulaan puasa.

"Walau bagaimanapun, saya berharap bahawa semangat Awang-Awang dan Dayang-Dayang akan sentiasa bernyala bagi terus berkhidmat kepada negara dan bangsa," katanya lagi.

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei itu seterusnya menyeru semua anggota sama-sama mem-

baharui taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

"Marilah kita semua berazam akan menyumbangkan bakti bagi mempertahankan kedaulatan negara. Kita akan sama-sama memikul tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi menegakkan teras disiplin yang menjadi asas kecekapan tentera."

Seterusnya beliau menyatakan bahawa usaha-usaha sedang dipertingkatkan bagi mencapai taraf yang dikehendaki.

"Di segi latihan, pada tahun ini Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan mengembara lebih jauh lagi di luar negeri untuk memperjelaskan corak latihan. Satu kompeni akan dihantar ke Singapura untuk menyertai latihan di Republik itu bersama dengan Angkatan Bersenjata Singapura. Persetujuan telah juga dicapai bagi dua kompeni dihantar ke Australia untuk berlatih di sana.

Manakala Tentera Laut juga akan berlayar ke haluan yang lebih jauh lagi bagi menghubungkan ikatan

muhibah dengan Tentera Laut lain-lain negara.

"Semua rancangan ini adalah merupakan cabaran baru yang akan dapat mendorong anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bagi terus berbakti selagi khidmat mereka diperlukan," ujar beliau.

Sebaik-baik saja perutusan selesai disampaikan, doa selamat dan kesyukuran telah dibacakan oleh Pegawai Penasihat Ugama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Awang Haji Metussin bin Haji Baki.

Seterlah itu perwakilan dari unit-unit Angkatan Bersenjata tersebut kemudiannya beredar untuk pergi ke Makam Diraja bagi membaca Tahlil Arwah.

Sementara sebahagiannya pula pergi membersihkan perkuburan orang-orang Islam di beberapa tempat di Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong.

Sambutan pagi itu di bawah perintah Mejar Abdul Aziz bin Abdullah, Pegawai Turus, Timbalan Penolong Ajutan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan telah dihadiri oleh kesemua unit-unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.



SEMPENA sambutan ulangtahn tersebut ABDB juga telah membuat kerja-kerja amal membersihkan tanah-tanah perkuburan Islam.

Jawatankuasa baru KAMUDI

KIUDANG. — Kesatuan Angkatan Muda-Mudi, Kiudang (KAMUDI) telah mengadakan mesyuaratnya di Dewan Sekolah Melayu Kiudang pada 27 Mei lepas.

Mesyuarat tersebut adalah bagi memilih ahli-ahli jawatankuasa tertinggi bagi tahun 1984/85.

Pegawai Daerah Tutong telah dilantik menjadi Penang dan Penghulu Mukim Kiudang, Pengiran Othman bin Pg Md Salleh selaku Penasihat.

Jawatan Yang Dipertua pula dipegang oleh Awang Mohd Saad bin Taib dan Timbalan Yang Dipertua di- jawat oleh Awang Mohd Taib bin Haji Jaluddin sementara Pengerusi Tetapnya ialah Awang Umar Ali bin Esong.

Awang Mohd Hussein bin Haji Hassan telah dilantik sebagai Setiausaha Agung dan Penolong Setiausaha Agung ialah Awang Mohd Ali bin Burut.

Bendahari pula dijabat oleh Pengiran Tengah bin Pg Besar sementara Pemeriksa Kira-kira terdiri dari Awang Haji Ramlee bin Haji Ali Hassan dan Awang Haji Johari bin Bungsu.

Pengerusi Sukan ialah Awang Tiga bin Anam dan Setiausaha Sukan pula ialah Awang Abd Manan bin Haji Abd Rauf.

Ketua Seksi Kebudayaan dijabat oleh Awang Matamit bin Jumat dan Timbalan Seksi Kebudayaan ialah Awang Sanif bin Kimchoi dan Dayang Chua Lai Naa.

Awang Haji Wasli bin Janai dan Awang Md Hashim bin Abdullah masing-masing telah dilantik menjadi Ketua Seksi Ugama dan Kebajikan sementara Seksi Ekonomi dianggotai oleh Awang Umar Ali bin Esong, Awang Mohd Taib bin Haji Jaluddin, Awang Mohd Ali bin Burut dan Awang Ranek bin Meludin.



SEBAHAGIAN dari anggota ABDB sedang mendengar perutusan dari Brigedier General J.P.W. Friedberger, Pemerintah angkatan tersebut semasa sambutan ulangtahn ke-23 yang berlangsung di Padang Kawad, Berakas Garison pada 31 Mei lepas (atas). Manakala gambar bawah sebahagian dari pegawai-pegawai kanan ABDB di upacara tersebut.



Peraduan bercucul di Kampong Ayer

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sempena sambutan perayaan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, satu peraduan persembahan bercucul rumah-rumah di Kampong Ayer akan diadakan.

Orang ramai khasnya penduduk-penduduk di Kampong Ayer bolehlah mendapatkan borang-borang penyertaan dari Pengerusi Peraduan, Pengiran Haji Damit bin Pengiran Abu Bakar di Kampong Belim-

bing, Subok atau dari Awang Garif bin Haji Jumat di Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara di Gadong. Tarikh tutup untuk menerima borang penyertaan ialah pada 12 Julai 1984.

Kepada mereka yang ingin menyertai peraduan ini adalah dimaklumkan bahawa hanya cucul letrik Kerajaan boleh digunakan dan ianya terbahagi kepada tiga bahagian iaitu untuk Jabatan Kerajaan dan sekolah-sekolah, persatuan-persatuan belia dan kumpulan dan kepada orang-orang perseorangan. — N.J.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS Siri ke-230

LAFAZ TALAK SEMASA BERTENGKAR

SUAMI sesudah bertengkar dengan isteri dan melafazkan lafaz "cerai" maka menurut Fathul Mueh tiada jatuh talak isteri itu, kerana lafaz cerai yang keluar dari mulut suami itu tidak disebutkan lafaz "Engkau". Cerai jatuh kalau suami berkata seperti "Aku Ceraikan Engkau" atau "Engkau Tercera".

Dalam masalah yang di atas ini cuma

sebutan "cerai" dilafazkan oleh suami dan tiada disandarkan kepada sesiapa dan tiada ditujukan kepada sesiapa yang tertentu, dari itu tiadalah jatuh talak isteri itu kerana nikah telah tetap yakin dan cerai masih belum yakin. Dari itu perkara yang belum yakin tiada dapat merombak yang yakin.

MENGULANGI LAFAZ TALAK

Suami mengulangi lafaz "Aku Talak Kamu", kalau ia mengulang lafaz itu dengan tujuan menguatkan lafaz "Aku Talak Kamu", maka jatuh talak satu, dan kalau ia mengulangi lafaz itu dengan tujuan membuat talak atau mengulang lafaz itu dengan tiada apa-apa tujuan yakni semata-mata mengulang sahaja maka jatuh dua talak ke atas isterinya itu, dari itu sayugia ditanya suami apa tujuan dan kasadnya ketika mengulang lafaz "Aku Talak Kamu" supaya dapat dipastikan gugur talak satu atau talak dua.

Suami yang main lafaz cerai waktu ia bertengkar dengan isterinya, adalah suami yang tiada berbudi bahasa, kerana isteri itu adalah teman hidup, dan tempat perlindungan anak-anak, dan tempat ketenangan jiwa, dari itu Allah berpesan dalam Al-Quran yang tafsirnya: "Hendaklah kamu baikkan perkataan kamu, nafkah, dan malam kamu kepada isteri kamu." Daripada sahabat Abu Hurairah Radiallahu Anhu telah berkata: "Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang diriwayatkan oleh Al-

Imam Muslim, ertinya: Jangan orang mukmin itu bencikan mukminah isterinya, kiranya ia benci daripada isterinya sesuatu perangai, maka ia akan sukakan daripadanya suatu perangai yang lain." Daripada sahabat Abu Hurairah Radiallahu Anhu telah berkata: "Telah bersabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Termizi katanya hadis ini Hasan sahih ertinya: Sesempurna orang yang beriman pada imannya, ialah orang yang sebaik-baik



perangainya, dan sebaik-baik kamu ialah orang yang sebaik-baik kepada isterinya. Berkata At-Tabi'ei Al-Jalil Al-Hasan Al-Basri: Baik perangai itu ialah berbuat baik, menahan diri dari menyakiti, dan manis muka, maka suami yang main talak bukan suami yang baik perangainya."

WALLAHUAKLAM

PENUNTUT DI UK KHATAM QURAN

LONDON. — Penuntut-penuntut Brunei di United Kingdom pada 7 April lepas telah mengadakan satu Majlis Khatamal Quran bertempat di Brunei House di sini yang dianjurkan oleh Badan Ugama Penuntut-Penuntut Brunei di United Kingdom.

Tuan Yang Terutama

Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke United Kingdom, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya bin Pengiran Haji Rajid telah juga hadir di majlis tersebut dan berkesudahan menghamburkan bunga rampai kepada penuntut-penuntut yang menyertai Khatamal Quran itu.

PENUNTUT-penuntut tersebut bergambar ramai dengan T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei ke United Kingdom, Y.A.M. Pengiran Setia Raja Pengiran Haji Jaya.



KELIHATAN Yang Amat Mulia sedang menghamburkan bunga rampai kepada salah seorang penuntut di majlis itu (atas).



Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 13 Jun, 1984 hingga ke hari Selasa 19 Jun, 1984 adalah seperti di bawah ini: —

HARI BULAN	ZUHUR		ASAR		MAGHRIB		ISYAK		IMSAK	SUBUH		MATAHARI TERBIT
	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir	Mulai	Berakhir		Mulai	Berakhir	
13-15	12.26	3.45	3.46	6.36	6.37	7.48	7.49	4.51	4.37	4.52	6.06	6.07
16-19	12.27	3.46	3.47	6.37	6.38	7.49	7.50	4.51	4.37	4.52	6.07	6.08

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

Tiga lagi memeluk Islam

TIGA orang lagi memeluk agama Islam baru-baru ini. Seorang gadis Cina dari Kampong Batang Mitus, Tutong memeluk agama Islam. Dayang Wong Fei Wah, 20 tahun yang kini dikenali sebagai Dayang Noorhayati binti Abdullah telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Yang Mulia Dayang Hajjah Salmah binti Haji Abd Ghani seorang guru agama.

Antara yang hadir di majlis itu ialah Yang Berbahagia Pegawai Daerah Tutong, Awang Abd Aziz bin Muhammad, Awang Haji Mahalle bin Haji Abdullah Pemangku Penguasa Dakwah dan Tabligh jabatan Hal Ehwal Ugama dan pegawai-pegawai kanan kerajaan. Majlis telah diserikan dengan zikir marhaban.

Sementara itu pada 19 Mei yang lepas bertempat di rumah Awang Haji Johari bin Haji Abang di Kampong Lamunin, Tutong satu majlis serupa telah berlangsung.

Awang Juanito F. Rivera 28 tahun berbangsa Filipina telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Yang Mulia

Awang Haji Abd Hamid bin Haji Tamat, Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Awang Juanito F. Rivera kini dikenali sebagai Awang Muhammad Jali bin Abdullah.

Dan pada 20 Mei seorang lagi yang berbangsa Iban memeluk agama Islam. Jelema anak Gelayan, 20 tahun dari Sibu, Sarawak telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Mahalle bin Haji Abdullah, Pemangku Penguasa Dakwah dan Tabligh, Brunei.

Majlis pengislamannya telah berlangsung di rumah Awang Haji Mahadi bin Pengarah Haji Basi di Kampong Sungai Matan. Majlis juga telah diserikan dengan zikir marhaban. — N.J.

PEMBETULAN

SETIAP perkataan 'muhrim' dalam tulisan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja siri ke-299 minggu lepas hendaklah dibaca 'mahram', atas kesilapan tersebut kami memohon maaf. — Pengarang.


KITA BERPUASA BUKAN UTK BERABIS

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadirat Allah dengan menjunjung dan melaksanakan perintah dan suruhan-Nya serta menjauhi apa-apa jua yang dilarang-Nya.

Pada hari ini kita telah memasuki hari ke lapan menjalani ibadah puasa. Dua kali Jumaat berturut-turut kita terangkan berkenaan dengan keutamaan bulan Ramadan dan kelebihan ibadah berpuasa di dalamnya. Pada kali ini mari kita sentuh sedikit tentang adab-adab berpuasa itu supaya lebih sempurna lagi ibadah yang sedang kita tempuh ini.

Di dalam kitab 'Nasihat-Nasihat Ulama Islam' karangan As-Syeikh Abdullah Ba'lawi Al-Haddad telah diterangkan beberapa adab puasa itu, antara lain yang terpenting ialah:

1. Memelihara lisan atau lidah dari bercakap dusta, mengumpat atau bercakap yang sia-sia yang tidak mustahak walaupun tidak dinamakan dusta atau mengumpat. Di dalam bulan ini orang-orang Islam digalakkan banyak berzikir atau membaca Quran supaya lebih sempurna dan banyak pahala yang diperolehi oleh orang-orang yang berpuasa itu. Demikian juga disuruh supaya memelihara kedua mata dan telinga dari melihat dan mendengar perkara-perkara yang dilarang.



yang dianggap tidak layak dilakukan oleh orang-orang Islam terutama oleh orang-orang yang sedang berpuasa.

2. Memelihara perut dari makan dan minum sesuatu yang diharamkan oleh agama atau yang ada syubhat yakni tidak jelas haram dan halalanya. Hal ini kita lakukan setiap masa khususnya di saat-saat berbuka puasa (waktu iftar) hendaklah kita berkira sungguh-sungguh jangan ada barang-barang yang terlarang oleh syarak menempati rongga dan perut kita sama ada barang-barang itu dilarang kerana zatnya memang haram seperti bangkai, arak dan lain-lain, ataupun dari caranya diperolehi menyalahi kebenaran agama seperti oleh menipu, mencuri, rasuah dan lain-lain

adalah sama haramnya di sisi Allah.

3. Memelihara seluruh anggota tubuh badan dari segala macam perkara yang boleh mendatangkan dosa. Hal ini biasanya tidaklah mesti datang daripada kita sendiri tetapi boleh juga daripada orang lain yang cuba-cuba hendak melibatkan kita dalam perkara-perkara yang tidak diingini itu. Kerana itulah khususnya bagi orang-orang yang berpuasa ada hadis Nabi Salallahu Alaihi Wassalam mengajar bagaimana hendak menghadapi orang-orang yang seperti ini jika ada, sabda Baginda:

"Puasa itu ialah benteng yakni penghalang di antara dirinya dengan perkara-perkara maksiat. Maka sekiranya pada

KITA berpuasa bukanlah untuk berabis dengan menyediakan hidangan-hidangan yang istimewa yang di luar kelaziman hari-hari. Asal apa teringin, kita beli walaupun dengan berbelanja dua tiga kali ganda lebih besar dari biasa dan apabila sampai berbuka yang kita makan hanyalah sedikit, sesuku atau separuh, yang lebihnya dibuang begitu saja. Kelakuan atau perbuatan begini hendaklah dijauhi kerana ianya bukan akan mendatangkan pahala dan berkat tetapi membawa dosa dan laknat Allah.

hari seorang kamu berpuasa janganlah bercakap kotor, jangan berlaku jahat, dan jangan tiada mengerti peraturan-peraturannya. andainya ada orang yang memaki orang yang berpuasa itu atau mengajaknya berbunuh-bunuhan hendaklah ia berkata: "Sesungguhnya saya sedang berpuasa."

4. Akhir sekali elok juga disebut di sini supaya orang-orang yang ber-

puasa itu hendaklah menjauhkan diri daripada boros atau membazir dalam perkara makan minum waktu berbuka. Agama Islam sangat-sangat melarang pemeluk-pemeluknya daripada sifat 'tabzir' ini.

Pembaziran bukanlah amalan yang sihat. Ia bukan sahaja sia-sia bahkan merugikan. Kerana itulah Allah sangat benci kepada orang-orang yang membazir sebagaimana firman-Nya

yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang-orang yang membazir itu adalah sahabat-sahabat syaitan."

Kita berpuasa bukanlah untuk berabis dengan menyediakan hidangan-hidangan yang istimewa yang di luar kelaziman hari-hari. Asal apa teringin, kita beli walaupun dengan berbelanja dua tiga kali ganda lebih besar dari biasa dan apabila sampai berbuka yang kita makan hanyalah sedikit, sesuku atau separuh, yang lebihnya dibuang begitu saja. Kelakuan atau perbuatan begini hendaklah dijauhi kerana ianya bukan akan mendatangkan pahala dan berkat tetapi membawa dosa dan laknat Allah.

Marilah kita ambil ingatan hal ini supaya kita sama-sama beroleh faedah daripadanya sebagai langkah berhati-hati, kita hendaklah sentiasa ingat dan insaf bahawa kita sedang menjalani ibadah berpuasa maka dengan itu semua yang kita lakukan adalah untuk menjaga dan memelihara semata-mata kesihatan dan kesempurnaan ibadah ini supaya diterima oleh Allah Taala.

Lailatulqadar lebih baik dari 1000 bulan

TIDAK cukup Allah Subhanahu Wataala memberkati bulan Ramadan itu dengan nikmat, rahmat dan keutamaan ditambah-Nya lagi dengan memilih di antara malam-malamnya suatu malam yang dinamakan Lailatulqadar. Lailatulqadar menurut penjelasan Allah Subhanahu Wataala adalah lebih mulia, lebih utama dari 1,000 bulan atau 83 tahun. Firman Allah:

"Sesungguhnya Al-Quran itu diturunkan di malam Al-Qadar."

"Tahukah kamu apa yang dimaksudkan dengan Lailatulqadar itu?"

"Lailatulqadar itu lebih baik dari 1,000 bulan."

"Di malam itu turun para malaikat dan Jibril a.s. dengan izin Tuhan-Nya untuk setiap urusan."

"Selamat (damai) sehingga fajar menyingsing."

Kita sepatutnya amat bersyukur kerana diberi keutamaan untuk menerima kurnia rahmat dan nikmat yang terbesat yang tidak pernah dikurniakan kepada umat-umat terdahulu. Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi

Wassalam:

"Sesungguhnya Allah Taala memberikan kepada umatku Lailatulqadar yang tidak diberikan-Nya kepada umat-umat terdahulu."

Di mana letaknya keistimewaan Lailatulqadar malam yang lebih mulia dari 1,000 bulan itu? Lailatulqadar itu adalah malam gandaan pahala dan pengampunan terhadap dosa-dosa yang terlanjur dilakukan. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah:

"Sesiapa yang menghidupkan Lailatulqadar dengan ibadah dengan penuh keimanan dan ketakwaan dan menerima pengampunan terhadap dosa-dosa yang terdahulu dan akan datang."

Di malam inilah segala amalan yang kita lakukan akan mendapat ganjaran pahala yang berlipat ganda sehingga setengahnya ulama berpendapat sembahyang sunat yang dilakukan mendapat pahala seperti sembahyang fardu dan sembahyang fardu memperoleh 70 kali ganda ganjarannya. Berdasarkan Surah Al-Qadar yang lalu, setengah ulama

berpendapat bahawa di malam inilah para malaikat dikhabarkan oleh Allah tentang perjalanan setiap manusia berhubung dengan rezeki, nasib dan ajalnya di mana para malaikat yang berkenaan itu akan menjalankan urusan-urusan tersebut.

Tidak ada ketentuan secara pasti sama ada dari Al-Quran atau hadis tentang waktu berlakunya Lailatulqadar. Kita hanya dituntut mencarinya di bulan Ramadan, sejak waktu Isyak sehinggalah menjelang Subuh. Ini menjelaskan kepada kita bahawa setiap kita dituntut berusaha bagi memperolehinya. Hanya dengan usaha yang gigih, sungguh-sungguh dan terus menerus supaya tidak terlepas peluang keemasan yang datangnya hanya sehari dalam tempoh 365 hari. Dengan kata lain Lailatulqadar hanya diperolehi oleh orang yang gigih beribadat bukan bagi yang malas.

Bagaimanapun terdapat

banyak hadis-hadis Rasulullah sebagai panduan bagi pencari dan pencinta Lailatulqadar membuat ramalan dan jangkaan tentang Lailatulqadar akan terjadi:

"Malam Lailatulqadar itu, malam yang cerah, cuaca amat baik tidak panas dan tidak dingin, tidak bercuaca mendung, tidak ribut dan tidak berbinat. Pada awal pagi matahari terbit tanpa pancaran yang kuat yang menyilaukan."

Lailatulqadar dijangka terjadi pada salah satu malam dari 10 malam terakhir bulan Ramadan pada tarikh yang ganjil iaitu 21,23,25,27,29 atau pada malam terakhir. Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam.

"Carilah Lailatulqadar itu pada malam-malam 10 yang terakhir yang ganjil iaitu malam 21,23,25,27 atau 29 atau malam terakhir."

Dalam usaha memperolehi Lailatulqadar setiap kita dituntut mengisikan usaha

kita dengan beribadat, sama ada dalam bentuk sembahyang, bertarawikh, witr, memperbanyakkan bacaan ayat-ayat Al-Quran, bersalawat, berzikir dan berdoa.

Kita dituntut membaca Al-Quran kerana ia adalah sebesar-besar ibadah yang mengaut banyak pahala, sabda Rasulullah:

"Barangsiapa yang membaca Al-Quran dengan mengikuti kaedah-kaedahnya maka baginya tiap-tiap huruf sepuluh kebaikan."

Kita juga digalakkan berzikir sebanyak-banyaknya bagi memperoleh pahala yang besar.

"Dua kalimat yang ringan untuk disebut diucapkan tetapi berat di timbangan (pahala) dan dicintai oleh Allah iaitu ucapan Subhanallah Wabihamdih dan Subhanallahil azim."

Kita juga diajarkan supaya mengulang-ulang doa yang berbunyi:

"Ya Allah, Engkau Maha Pemaaf, menyukai kemaafan, ampunilah daku."

Kita dituntut supaya lebih

Menuju keredaan Allah

mendirikan sembahyang fardu Isyak dan Subuh secara berjemaah:

"Siapa yang mengerjakan sembahyang Subuh dan Isyak secara berjemaah bertepatan dengan Lailatulqadar sesungguhnya ia telah memperoleh nikmat Lailatulqadar dengan sempurna."

Itulah sekurang-kurangnya amalan yang boleh membawa kita memperoleh Lailatulqadar.

Mencari Lailatulqadar hendaklah dilakukan dengan sabar dan menjalankan ibadah bukan semata-mata mengharap tanpa ibadah. Tegus Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam:

"Ramadan adalah bulan kesabaran yang ganjaran kesabaran itu adalah syurga."

**Majlis
Kesyukuran**

SATU majlis kesyukuran dan penutup kursus haji bagi bakal-bakal haji Daerah Temburong telah diadakan pada 27 Mei 1984 bertempat di Sekolah Agama Pengiran Muda Muhammad Bolkihah, Temburong.

Tetamu khas di majlis tersebut ialah Pemangku Penguasa Dakwah dan Tabligh, Jabatan Hal Ehwal Agama, Awang Haji Mahalle bin Haji Abdullah selaku wakil Yang Berhormat Pengetua Pegawai Hal Ehwal Agama.

Acara majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Awang Junaidi bin Haji Abdullah dan seterusnya diikuti dengan ucapan dari Pengerusi Majlis, Awang Haji Yaakub bin Haji Tengah dan ucapan nasihat dan penerangan dari wakil

Pengetua Pegawai-pegawai Hal Ehwal Agama, Awang Haji Mahalle bin Haji Abdullah.

Majlis tersebut telah dihadiri oleh Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan 30 orang bakal-bakal haji dari

Daerah Temburong yang akan menunaikan Fardu Haji pada tahun ini.

Majlis telah diakhiri dengan bacaan doa selamat oleh Imam Masjid Utama Mohd Salleh, Yang Mulia Awang Suhaili bin Ibrahim.

sudut Royal Brunei سودوت

PUSAT TEKNIKAL RBA

SEBILANGAN orang beranggapan bangunan 'Hanger' RBA yang terletak di Jalan Pasir Berakas hanya digunakan sebagai tempat untuk menyimpan ataupun melindungi pesawat-pesawat kapal terbang yang termasuk juga kemudahan-kemudahan di bidang kejuruteraan.

Sebenarnya sangkaan itu kurang tepat kerana bangunan hanger RBA ternyata mengandungi beberapa buah jabatan yang penting seperti jabatan bagi pengurusan besar, perdagangan, kewangan dan lainnya.

Sehubungan dengan itu Syarikat Penerbangan Diraja Brunei telah membuat keputusan untuk memberi nama yang lebih sesuai bagi bangunan hanger itu kepada Pusat Teknikal RBA memandangkan perkembangan yang begitu pesat dan meluas di bidang kejuruteraan di hanger tersebut begitu menggalakkan.

Pegawai Penyeliaan Pembekalan Makanan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Zaini bin Kamis dan Awang Alponsus Liew merupakan anak tempatan yang pertama dari Perkhidmatan Pelanggan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei memegang jawatan sebagai Pegawai Penyeliaan dan Pembekalan Makanan RBA. Bahagian itu telah ditubuhkan pada bulan Oktober 1983. Sebelum memegang jawatan tersebut mereka ialah pramugara bagi syarikat RBA.

Menurut Awang Zaini tugas beliau ketika ini ialah untuk mengendalikan dan menyediakan serta menentukan jenis makanan untuk para penumpang di dalam penerbangan. Beliau juga bertanggungjawab ke atas segala peralatan dan perlengkapan yang berhubung dengan per-makanan ini termasuklah destinasi-destinasi RBA di luar negeri.

Beliau juga memberi tahu bahawa jenis makanan yang dihidangkan kepada para penumpang RBA akan ditukar setiap tiga bulan sekali supaya mereka tidak merasa jemu dengan setiap

hidangan makanan yang di sajikan. Sebagai misal katanya, dalam tiket kelas ekonomi di mana terdapat dua jenis makanan iaitu ayam dan daging sesudah genap tiga bulan ianya akan ditukar kepada udang dan ikan.

Menurutnya lagi para penumpang RBA adalah terdiri dari berbagai bangsa dan ugama oleh itu untuk memberi perkhidmatan dan permakanan yang baik dan memuaskan RBA telah menyediakan dua jenis sajian makanan iaitu masakan timur dan barat dan ini ter-pulanglah kepada para penumpang untuk memilihnya mengikut selera masing-masing.

Selanjutnya Awang Zaini menjelaskan RBA juga memberi kemudahan kepada para penumpangnya yang ingin untuk menempah makanan khas bolehlah membuat tempahan tersebut lebih awal semasa membuat tempahan tiket kapal terbang. Sebagai misal tambahna seorang yang beragama Hindu tidak memakan daging lembu oleh itu ia bolehlah menempah makanannya lebih awal.



GAMBAR (kiri) Awang Zaini bin Kamis, Pegawai Penyelia Makanan ketika bertugas di Dapur Penyediaan Makanan Dairy Farm semasa beliau membuat pemeriksaan terakhir untuk memastikan setiap makanan diatur dengan sempurna di tempat yang dikhaskan sebelum dibawa masuk ke pesawat kapal terbang.



BEGINILAH bentuk bangunan RBA Plaza yang dirakamkan dari gambaran seorang pelukis.

ICL 2903 utk. RBA

Kakitangan RBA, di Bahagian Komputer sedang sibuk mengendalikan tugas-tugas mereka dalam mengendalikan peralatan komputer jenis ICL 2903 yang didatangkan dari Air Niugini khas untuk RBA.

ICL 2903 mengandungi 1x2903 ICL Komputer processor dengan hardcopy log, 2xEDS60 60MB Disk Drivers, 1xEDS5 5MB Exchangeable Disc, 1xEDS5 5MB, 1x300CPM Card Reader, 1x300LPM Line Printer, 8xDDE Workstations dan 1x720LPM Printer. Semua ini menelan belanja sebanyak US\$7,500.00.

Komputer ini digunakan untuk sistem inventory melalui enquiry terminal yang memberi maklumat kawalan stok jenis alat ganti bagi Bahagian Stor dan Perbekalan, di Jabatan Kejuruteraan. Alat-alat tersebut juga mengerjakan bagi kewangan, membuat kos tugas dan perakaunan. Pada masa akan datang mesin ini akan menyediakan slip gaji (Payroll) untuk semua kakitangan RBA.

Pada masa ini RBA juga menyewa ruang pada alat ICL MF29 di Jabatan EPU untuk urusan akaun RBA. Adalah diharapkan pada masa akan datang sistem ini akan boleh dikendalikan di Pejabat RBA sendiri.

Perkembangan selanjutnya, RBA berharap untuk membuat on-line dengan pejabat di luar negeri untuk berkerjasama dengan data base dan untuk mengembangkan Central Accounting System dan permitting a high degree of uses hand-on Capabilities. Juga setelah mendapat kebenaran dari pihak yang berkenaan RBA akan menambahkan lagi alat-alat Komputer yang lebih besar

dan sophisticated untuk membuat semua urusan pekerjaan yang lebih sempurna dan efisien.



Loji dan peralatan jentera RBA

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Bahagian loji dan peralatan di Jabatan Kejuruteraan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei mempunyai fungsi penting yang mana perkhidmatan-perkhidmatan bahagian ini sangat diperlukan sekiranya salah sebuah dari peralatan tersebut mengalami kerosakan ianya boleh menyebabkan tergendalnya pesawat terbang.

Bahagian loji dan peralatan mempunyai beberapa jenis kenderaan seperti mini bus untuk kakitangan kabin dan para pekerja RBA, 'mobile steps' ataupun tangga

bergerak untuk kemudahan para penumpang turun dan naik dari pesawat kapal terbang, kereta pangangkutan barang-barang penumpang, alat generator dan sebagainya.

Ketika ini bahagian tersebut mempunyai seramai 10 orang pemandu dan 20 orang mekanik yang kesemuanya terdiri dari anak-anak tempatan diketuai oleh Awang John Davis. Operasi sebarisan mereka ialah untuk memastikan dan memelihara bahawa keseluruhan peralatan-peralatan tersebut sentiasa dalam keadaan baik dan selamat di samping itu

untuk menjaga kesesuaian para penumpang dan juga keselamatan kakitangan RBA. Bahagian ini juga mempunyai bengkel-bengkelnya sendiri.

Dengan berkembangnya dan bertambahnya kakitangan di bahagian ini ianya akan diperluaskan pada masa akan datang. Orang ramai yang berminat untuk memasuki kerjaya di bidang ini sekurang-kurangnya perlulah mempunyai pengalaman dalam bahagian mekanik kereta. Mereka yang berjaya nanti akan mendapat latihan di dalam dan di luar negeri.

PEMBINAAN RBA PLAZA SIAP TAHUN DEPAN

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Sejak tertubuhnya Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dalam tahun 1975 perkembangannya dari tahun ke setahun begitu pesat. Ini ternyata di mana setakat ini RBA mempunyai sembilan buah destinasi dan yang terbaru ialah Jakarta.

Dengan perkembangan RBA yang semakin maju dan pesat syarikat tersebut memerlukan sebuah bangunan kekal bagi menampung keperluan dan kehendak syarikat tersebut. Oleh itu, RBA telah membina sebuah bangunan baru RBA Plaza sebagai Ibu Pejabat RBA setinggi tujuh tingkat yang ketika ini sedang dalam pembinaannya. Bangunan itu terletak di Ibu Negara berhadapan dengan Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin dan dijangka siap

pada awal tahun 1985.

Apabila siap nanti bahagian bawah bangunan itu akan dijadikan tempat bagi penempatan tiket kapal terbang dan pejabat penjualan. Manakala tingkat dua dan tiga akan disewakan sebagai pusat beli-belah dan di tingkat-tingkat seterusnya akan digunakan bagi menempatkan pejabat pengurus besar, perdagangan, kewangan dan lainnya.

Beberapa kemudahan yang terdapat di RBA Plaza ialah antaranya bilik persidangan, bilik ibadat, ruang tamu dan sebagainya. Syarikat Penerbangan Diraja Brunei dijangka akan berpindah ke bangunan baru itu pada bulan Mei 1985 bersempena dengan hari ulang tahun ke-10 tertubuhnya RBA.

SUKAN PELITA

Kelolaan: Manaf Rahman

PESTABARU CADANG TUBUH SKUAD PELAPIS

SEKUAT mana pun sesebuah pasukan tidak akan bertahan lama. Faktor umur, permainan yang merosot dan kecederaan banyak meleburkan keteguhan dan kemantapan sebuah pasukan itu.

Inilah yang ingin dihindari oleh Pestabar dalam mempertahankan kekuatan dan meningkatkan kecemerlangan di dalam dan luar negeri.

Langkah pertamanya ialah mencari dan mencungkil bakat-bakat muda bagi diasuh dan dilatih seberapa banyak yang boleh untuk membentuk skuad pelapis pasukan takraw kebangsaan.

Setiausaha Agung Pestabar Awang Haji Tuah Nordin memberitahu, ura-ura untuk menubuhkan pasukan belia atau pasukan belia itu adalah untuk mengimbangi pasukan kebangsaan yang ada dan pada menarik minat agar lebih ramai lagi menceburi diri dalam sepak takraw.

Dalam pada itu juga, ura-ura untuk menubuhkan pasukan belia adalah pada menyahut cadangan pengerusi Teknikal Astaf (Persatuan Sepak Takraw Asia), Encik Ahmad Tajuddin Shahbudin dalam mesyuarat jawatankuasa teknikal di Bangkok baru lalu.

Menurut Awang Haji Tuah, Encik Ahmad Tajuddin menyarankan agar kesemua kerabat Astaf membentuk sebuah pasukan belia (bawah 18 tahun) yang bertujuan untuk meninggikan mutu sepak takraw sejajar dengan hasrat Astaf untuk menarik minat lebih banyak lagi negara-negara mempelajarinya.

Persiapan awal yang dilakukan oleh Pestabar, tambah Awang Haji Tuah ialah untuk persiapan membentuk sebuah pasukan mantap bagi persediaan untuk menyertai berbagai-bagai kejohanan dari peringkat belia hingga antarabangsa yang mana kemungkinan Brunei akan diundang.



AWANG Haji Tuah Nordin, Setiausaha Agung Pestabar.

"Pihak Pestabar akan terus-menerus mencari bakat-bakat muda yang berpotensi melalui pertandingan-pertandingan yang diadakan sama ada oleh pihak Pestabar sendiri mahupun pihak lain," tegasnya.

"Setakat ini beberapa pemain muda sedang menjalani latihan bersama dengan pasukan kebangsaan bermula 7 Jun lepas. Skuad pelatih muda ini akan terus-menerus diberikan latihan dan bimbingan dan latihan awal mereka itu adalah merupakan satu tindakan segera bagi menyesuaikan diri mereka dengan corak latihan dan permainan untuk memberikan mereka pengalaman dan keyakinan.

"Skuad belia ini juga, insya Allah akan didedahkan ke perlawanan-perlawanan besar di dalam dan luar negeri. Mereka juga akan digalakkan untuk menyertai setiap pertandingan sama ada terbuka atau peringkat umur," jelasnya.

Beberapa pelatih muda yang ada hanyalah baru sekelompok yang bakal diambil untuk menjadi keluarga Pestabar. Peluang masih berjalan dan terbuka luas untuk direbut oleh para pemain muda bagi mengasah bakat dan meningkatkan mutu permainan mereka bakal menjadi pemain kebangsaan negara di masa akan datang.



TIGA antara ramai lagi 'rekrut muda' yang bakal dilatih oleh Pestabar untuk menganggotai pasukan pelapis (gambar ihsan Pestabar).

Perlumbaan Perahu Naga: PENCAPAIAN MEMBANGGAKAN

Di peringkat antarabangsa memang usianya baru mencapai tiga tahun. Dalam lingkungan sedemikian banyak lagi yang patut dipelajari. Dari yang kecil hingga sebesarnya. Merangkak perlahan-lahan. Perlu diajar dan ditunjuk segalanya.

Tetapi sebaliknya berlaku kepada pasukan lumba perahu naga negara yang masih mentah dari segi perlumbaan antarabangsa terus memanjat ke atas dengan semangat yang berkobar.

Pengalaman dan kepandaian serta kemahiran akan tenggelam oleh semangat ingin berjuang dan menang.

Kedudukan kita di tempat ketiga dalam perlumbaan perahu naga antarabangsa Singapura yang baru kali ketiganya kita turut menceburi diri adalah satu pencapaian yang membanggakan.

Rata-rata pada keseluruhan kita kurang dari segala pengalaman, kema ketahanan tentunya tidak dibandingkan dengan apa terdapat pada pasukan seperti Amerika Syarikat, Australia dan sebagainya.

Tetapi kita tetap menghakikat bahawa penyertaan bukan setakat untuk bersaja malah kekalahan kita akan menjadi asas dan tapak untuk melompat ke tahap yang tinggi.

Tiga tahun bukan satu masa yang lama. Kali pertama dalam

perlumbaan Perahu Naga Merlion pasukan negara merebut tempat kedua dan berikutnya kita mampu memasuki pertandingan akhir dan tahun ini kita gagal dalam acara lumba antarabangsa (International Race).

Namun begitu kita mendapat tempat ketiga dalam pertemuan dengan negara-negara yang gagal memasuki pertandingan akhir, dalam 'International Plate Race'.

Di perlumbaan Pulau Pinang, negara kita mendapat perhatian meskipun kita hanya mendapat tempat keempat. Tapi pada keseluruhannya kegagalan kita bukan kerana prestasi tapi hanya tidak ada 'nasib'.

"Nasib memang tidak menyebelahi kita. Di dua acara yang disertai negara kita adalah salah satu negara pilihan. Kebolehan kita begitu menonjol dengan persembakan yang ter-

Kelantan dan Pulau Pinang dalam perahu naga antarabangsa. Kelakonan pekayuh negara yang mencipta masa terbaik dalam perlumbaan di Pulau Pinang dengan jarak 1,300 meter itu sudah tentu lebih meyakinkan bila berada di Singapura dengan jarak hanya 900 meter saja.

Tapi itulah nasib. Kita gagal dalam saringan. "Dari undian lorong empat negara terpaksa berada di kawasan 'air tohor' yang tentunya menimbulkan masalah untuk pekayuh.

Tetapi semangat para pekayuh negara patut diberikan pujian kerana kegigihan mereka telah membuahkan hasil dalam acara 'International Plate Race' dengan menduduki tempat ketiga di belakang Australia dan Norway.

Menurut jurulatih, Awang Norshah, bahawa pasukan negara kali ini telah menunjukkan semangat

Kelantan menduduki tempat kedua di Thailand, Pulau Pinang dan Brunei.

Brunei juga berada di tempat keempat di belakang Thailand,

lumba perahu negara di kejohanan-kejohanan antarabangsa di negara mereka masing-masing.

PERKASA Juara Piala Yusof Holding

kedua pasukan yang dianggap kuat di Daerah Brunei dan Muara dan pernah menjadi lambang keagungan bola sepak di sini.

Permainan yang terlalu berhati-hati mengakibatkan setiap gerakan yang dibuat tidak berbaluan dan kucar kacir. Barisan depan PAPP yang dibarisi oleh beberapa pemain yang baik dan berpengalaman tidak menunjukkan persefahaman baik kerana kegagalan gerakan berkesan midfield mereka.

Jika tidak barisan pertahanan yang diketuai oleh Shahr Bakar dan Tariff Haji Ladis serta kelakonan baik dari penjaga gol mereka, Ishak Hj. Abd. Hamid kemungkinan lebih satu jaringan akan menembusi gawang PAPP.

Kedua pasukan menjejakan kaki ke peringkat akhir dengan menewaskan dua pasukan pilihan utama, Kota Rangers dan Indera. PAPP

mengalahkan Kota Rangers dengan 1-0 dan Indera tewas 2-3 dengan Perkasa.

Empat puluh buah pasukan menyertai kejohanan ini yang

pada awalnya dikendalikan oleh BAFA sebelum diambil alih oleh Persatuan Bola Sepak Daerah Brunei - Muara sehingga tamat kejohanan ini.



AWANG Haji Abu Bakar bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Awang Haji Mohd. Yusof selaku wakil Yusof Holdings menyampaikan piala tersebut kepada Pasukan Perkasa (Gambar ihsan Perkasa).

RTTB

Intisari minggu ini

Radio Minggu Ini:

KHIDMAT RADIO DI BULAN RAMADAN

KHIDMAT Radio Brunei sememangnya tidak mempunyai batasan waktu. Malahan ianya berterusan memberikan maklumat-maklumat, perutusan-perutusan dan juga hiburan-hiburan melalui berbagai-bagai rancangan hariannya. Di samping itu ia juga memberikan perkhidmatan kepada masyarakat ramai melalui maklumat 'kilat'nya seperti 'berita keluarga' dan sebagainya, selain dari rancangan yang sudah dijadualkan pada setiap hari.

Di sepanjang bulan Ramadan yang biasa kita panggil 'bulan puasa,' Radio Brunei telah menambah sedikit siaran hariannya seperti rancangan soal jawab ibadah puasa di samping maklumat-maklumat yang ada hubungannya dengan ibadah di bulan Ramadan.

Rancangan radio dari pagi hingga ke petang berjalan seperti biasa, tetapi waktu tiba menjelang sungkai iaitu kira-kira pukul 6.00 lalu, rancangan Menjelang Sungkai disiarkan terus dari TV. Kemudian 'beduk dan doa berbuka puasa' mula bergema diikuti seterusnya menunaikan

sembahyang Fardhu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. Jadinya, para muslimin dan muslimat yang tidak memiliki peti-peti TV cukuplah dengan hanya mendengar suara dari Radio Brunei.

Dalam bulan puasa juga Radio Brunei memberikan perkhidmatannya dengan berterusan menghebahkan maklumat-maklumat Zakat Fitrah tahun 1984/1404 Hijrah. Bagi semua umat Islam di negara ini yang hendak membayar Zakat Fitrah dan ingin mengetahui lebih lanjut lagi nama-nama amil dan bera-pakah bayarannya, bolehlah mendengar menerusi radio dari sekarang. Dalam hal ini Radio Brunei sentiasa mengingatkan pendengar Islam semua, bagi melaksanakan tanggungjawab saudara sebagai umat Islam di dalam melengkapkan ibadah Allah.

Dalam ruangan Radio Minggu Ini kami juga ingin menjelaskan secara ringkas tentang Zakat Fitrah tersebut seperti yang ditetapkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei, dalam surat ke-11 bil : 1/1984. Seperti yang ditentukan bahawa Zakat Fitrah menurut Maz-

hab Safee hanya sah dikeluarkan daripada makanan yang biasa dimakan pada sesebuah negara itu. Oleh kerana makanan amali kita ialah beras, maka beraslah sebagai Zakat Fitrah kita menurut timbangan dalam negara sebanyak 3 katil 12 tahlil, bagi tiap-tiap seorang Islam.

Di samping itu, kita juga sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan menggunakan nilai mata wang mengikut Mazhab Hanafi. Seperti lazimnya harga beras telah ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan di seluruh negara iaitu bagi Daerah Brunei harga segantang beras ialah \$3.00, manakala kawasan Muara dan Tutong ialah \$3.05 dan kawasan Seria, Belait dan Temburong pula ialah \$3.10 sen. Jadinya nilai harga beras bagi 3 kati 12 tahlil yang wajib kita Zakat Fitrahkan pula ialah seperti berikut :—

- a) Kawasan Brunei ialah \$1.874 sen
- b) Kawasan Muara dan Tutong ialah \$1.904 sen.
- c) Kawasan Seria, Belait dan Temburong ialah \$1.934 sen.

Di samping berkesempatan mengucapkan selamat berpuasa Radio Minggu Ini sekali lagi mengingatkan kepada umat Islam di seluruh negara, lengkapanlah amalan ibadah saudara semua seperti yang telah diperintahkan oleh Allah s.w.t.

PERTANDINGAN BINTANG REMAJA 1984 SEPARUH AKHIR—RANCANGAN KEEMPAT



Dk Alimah



Kertina



Roslany



Hartini



Mardiana



Jasmeen



Ak Saimon



Dk Monira

SERAMAI lapan orang peserta lagi akan beradu nasib dalam Pertandingan Bintang Remaja '84 Separuh Akhir Keempat yang akan disiarkan pada hari Isnin 18 Jun jam 9.15 malam.

Peserta-peserta itu ialah Dk Alimah bte Pg Bunut (Brunei-Muara), Kertina bte Sulaiman (Tutong), Mardiana bte Abdul Wahab (Belait), Roslany Adnan (Brunei-

Muara), Hartini Md Deli (Tutong), Dk Monira bte Pg Mohiddin (Brunei-Muara), Ak Saimon bin Pg Ahmad (Temburong) dan Jasmeen Md Alinoordin (Belait).

Sementara itu, preview 10 orang peserta yang terpilih memasuki ke Peringkat Akhir akan disiarkan pada 25 Jun jam 9.15 malam.

Pertandingan akhir akan diadakan pada 7 Julai depan.

PERSAHABATAN—tajuk sandiwara radio minggu ini

MENULIS Norhisham Mustafa, Kelantan, Malaysia mengemukakan persoalan kejujuran dalam sandiwara yang berjudul 'PERSAHABATAN,' untuk keluaran Sandiwara Radio Minggu Ini.

Watak Zaidi yang menderita kerana mengalami sakit buah pinggang adalah dianggap masih bertuah kerana mempunyai seorang sahabat yang sedia berada di sisinya ketika ia dalam kesusahan. Begitu juga dengan peranan yang dimainkan oleh isterinya, di mana ia tidak pernah mengabaikan tugasnya sebagai seorang isteri yang setia.

Arman, sahabat karib Zaidi itu bukan saja setakat mengambil berat terhadap dirinya malah ingin berkorban dengan jalan mendermakan satu daripada buah pinggangnya kepada Zaidi, yang telah disahkan oleh doktor mempunyai kedua-dua buah pinggang yang sudah tidak berfungsi lagi.

Pengorbanan Arman yang mulia sangat dihargai oleh Zaidi. Bagaimanapun ia tidak bersedia untuk menerima pengorbanan yang dianggapnya terlalu besar itu. Tambahan pula, Arman sendiri dihalang oleh isterinya dari meneruskan niatnya.

Kesabaran Banun isteri Zaidi dan pengorbanan yang akan diberikan oleh Arman itu adalah diperhatikan oleh Jamil, sahabat Zaidi yang mempunyai niat yang serong terhadap Banun. Dia dengan sedaya upaya cuba meng-

hasut Banun supaya meninggalkan suaminya. Tidak cukup dengan itu, isteri Arman juga dihasut supaya tidak membiarkan Arman mendermakan buah pinggangnya untuk keselamatan Zaidi.

Apakah kisah selanjut-

nya? Berjayakah Arman untuk memenuhi niat sucinya pada Zaidi? Untuk penjelasannya, ikutilah siarannya pada 17 Jun, 1984 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Dk. Maskupah Pg. Tajuddin.

Dendang Remaja



DK. SAHANISAH PG. METALI dari Daerah Brunei-Muara dan Kamaluddin Haji Ahmad dari Daerah Tutong akan menghebahkan keluaran ke-24 Dendang Remaja minggu ini.

Antara lagu-lagu didendangkan ialah Kerana Fitnah, Perpisahan dan Impian Hampa. Ikutilah siarannya hari Jumaat 15 Jun jam 5.00 petang dan ulangannya pada hari Ahad jam 11.00 pagi.



RANCANGAN minggu ini Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini akan disiarkan dengan lagu-lagu pilihan Awang Aminorahim bin Haji Iengah yang beralamat No. 179 Kampung Saba Darat 'B', Brunei (gambar atas).

Lagu-lagu pilihan Awang Aminorahim akan ke udara pada hari Selasa 19 Jun jam 4.00 petang.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU 13 JUN

PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN
- 3.47 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 3.57 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.00 TWINKLE TWINKLE LITTLE STAR
- 4.25 INSPECTOR GADGET
- 4.50 MR. SMITH... Rescues Bob
- 5.15 WILD KINGDOM: "In Search Of Whale"
- 5.40 TEKA TEPAT
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TEKA TEPAT — sambungan
- 6.20 CERITA/CERAMAH MENJELANG SINGKAI
- 6.37 BEDUK / AZAN MAGHRIB
- 6.47 SELINGAN — AL-QURAN/NASYID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 HOTEL: "Confrontations" Kontroversi tegang meletus apabila satu organisasi pelampau mengamalkan perasaan perkauman di St Gregory Hotel.
- 7.49 AZAN ISYAK
- 7.55 HOTEL — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 EGYPTIAN MOSQUE: "El Houssein"
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.20 KEEP IT IN THE FAMILY: "Alien Friends"
- 9.50 GAVILAN: "Hydra"
- 10.40 TAYANGAN GAMBAR: "The April Fools" Seorang "broker" di Wall Street terlibat dengan seorang wanita yang kemudian didapati ialah isteri boss-nya. Mereka memutuskan keluarga masing-masing untuk lari ke Paris tetapi menempuh berbagai komplikasi. Pelakon-pelakon: Jack Lemmon, Catherine Deneuve, Peter Lawford, Jack Weston, dan lain-lain.
- 12.10 SIARAN TAMAT.

HARI KHAMIS 14 JUN

PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN
- 3.47 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 3.57 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.00 SESAME STREET
- 5.00 DONKEU KONG
- 5.25 MY NAME IS: "Penari Pongsak, And I Am A Thai"
- 5.45 FAST FORWARD
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 FAST FORWARD — Sambungan
- 6.20 CERITA/CERAMAH MENJELANG SINGKAI
- 6.37 BEDUK / AZAN MAGHRIB
- 6.47 SELINGAN — AL-QURAN/NASYID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MANIMAL: "Night Of The Beast"
- 7.49 AZAN ISYAK
- 7.55 MANIMAL — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 EGYPTIAN MOSQUE: "El Houssein"
- 8.45 HIDAYAT
- 9.15 DUNIA MINGGU INI
- 9.45 HAWAII FIVE O: "The Execution"
- 10.45 PAUL HOGAN SHOW
- 11.15 POT BLACK 1982
- 12.00 "Davis vs Thorburn"
- SIARAN TAMAT.

HARI JUMAAT 15 JUN

TENGAH HARI

- 12.00 PEMBUKAAN
- 12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 12.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-YANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.

PETANG

- 1.25 ROAD TO L.A.: "Wrestling, Walking" (Episod terakhir)

- 2.10 CHILDREN FEATURES
- 2.55 ROAD RUNNER SHOW
- 3.15 ME AND MAXX: Pertelingkahan berlaku antara Norman dan Maxx, setelah Maxx mengetahui Norman telah membaca diari-nya.
- 3.35 MILLER'S COURT: "Forced To Love"
- 3.46 AZAN ASAR
- 3.51 MILLER'S COURT — sambungan
- 4.05 YOU ASKED FOR IT
- 4.30 MAKING THE MOST OF THE MICRO
- 4.50 MIANI MIATU
- 5.05 SHIRT TALES
- 5.25 LITTLE RASCALS
- 5.45 TEKA TEPAT
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TEKA TEPAT — sambungan
- 6.20 CERITA/CERAMAH MENJELANG SINGKAI
- 6.37 BEDUK / AZAN MAGHRIB
- 6.47 SELINGAN — AL-QURAN/NASYID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 THE GREATEST AMERICAN HERO: "Desperado" Ralph, Bill dan Pam cuba menyelamatkan seekor kuda dari seorang pen-ternak yang benar-benar menghajati-nya.
- 7.49 AZAN ISYAK
- 7.55 THE GREATEST AMERICAN HERO — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN
- 8.45 EGYPTIAN MOSQUE: "El Sultan Hassan"
- 9.00 LIPUTAN NASIONAL
- 9.30 DALLAS: "When The Bough Breaks" Sue Ellen masih ragu-ragu siapakah ayah kepada anak dalam kandungannya.
- 10.20 MAGNUM: "The Return Of Luther Gillis" Magnum mendapati dirinya terpaksa bergabung tugas dengan Luther Gillis seorang penyiasat "style lama" apabila Higgins dan setiausaha Gillis di-culik.
- 11.10 WKRP IN CINCINNATI: "The Secret Of Dayton Heights"
- 11.40 SIARAN TAMAT.


HARI SABTU 16 JUN

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 PERTANDINGAN MEMBACA AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN JABATAN-JABATAN YANG BER-UNIFORM.
- 3.15 DOKUMENTARI: Islam, Faith and Nation
- 4.45 SELINGAN
- 5.00 SCOOBY DOO AND SCRAPPY DOO
- 5.25 TOWARDS 2000
- 5.50 JUST OUR LUCK
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.20 CERITA MENJELANG SINGKAI
- 6.38 BEDUK/AZAN MAGHRIB
- 6.48 SELINGAN: AL-QURAN/NASYID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 T. J. HOOKER: "Raw Deal"
- 7.50 AZAN ISYAK
- 7.53 T. J. HOOKER — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 PERUTUSAN NUZUL AL-QURAN
- 8.45 EGYPTIAN MOSQUE: "El Ashraf Bresbay"
- 8.55 LIPUTAN NASIONAL
- 9.25 MARI MEMASAK: "Rendang Hitam" Resipinya ada diarkikan di muka 8.
- 9.50 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Ridho Allah"
- 11.20 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Killers Of Kilimanjaro" Seorang engineer bertugas dalam pem-binaan East African Railway meng-hadapi berbagai halangan seperti bina-tang-binatang buas, penduduk-pen-duduk tempatan yang mengganas dan seorang peniaga hamba abdi bangsa Arab. Pelakon-pelakon: Robert Tay-



SALAH satu adegan dari tayangan gambar akhir pada hari Sabtu yang bertajuk 'Killers of Kilimanjaro'.

- lor, Anthony Newley, Anne Aubrey, dan lain-lain.
- 12.50 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 17 JUN

PETANG

- 2.00 PEMBUKAAN
- 2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 2.12 SUSUNAN RANCANGAN
- 2.15 GEORGE OF THE JUNGLE
- 2.45 LADIES MAN
- 3.15 DOKUMENTARI
- 3.47 AZAN ASAR
- 3.53 DOKUMENTARI — sambungan
- 4.10 LOVE BOAT
- 4.40 THOR
- 5.00 MAT YO YO
- 5.25 MONCHHICHIS
- 5.50 BENSON: "Katie's Boyfriend" Sedang Zenson sibuk dengan krisis ekonomi, Gabenor pula sibuk dengan masalah anaknya Katie yang sedang menjangkau alam kedewasaan.
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 BENSON — sambungan
- 6.20 CERITA/CERAMAH MENJELANG SINGKAI
- 6.38 BEDUK/AZAN MAGHRIB
- 6.48 SELINGAN: AL-QURAN/NASYID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 MATT HOUSTON: "Crisis Cross" Houston membantu kawan lamanya Vinlent Novelli bekas seorang polis yang dituduh terlibat dalam rompa-han dadah berharga dua juta ringgit. Mereka menyedari bahawa hukuman penjara ke atas Vincent bermakna hukuman mati.
- 7.50 AZAN ISYAK
- 7.53 MATT HOUSTON — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 EGYPTIAN MOSQUE: "El Emam Busheiri"
- 8.45 TITIAN NADA
- 9.45 FROM INDIA AND NEPAL: "A Far Kingdom"
- 10.15 THE TWO RONNIES
- 10.45 WAR SERIES: "The Profession Of Arms" Episod kali ini membawa kita ke So-viet Union, Israel, Canada dan United States untuk meninjau tugas pegawai-pegawai yang menumpukan kehidup-an mereka terhadap organisasi-organi-sasi tentera dan pemeliharaannya.
- 11.45 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 18 JUN

PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN
- 3.47 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 3.57 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.00 THE BISKITTS
- 4.25 SUPERFRIENDS
- 4.45 THE POSEIDON FILES: "Lure Of The Blue Planet" Bhg. 2
- 5.30 TEKA TEPAT

- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 TEKA TEPAT — sambungan
- 6.20 CERITA MENJELANG SINGKAI
- 6.38 BEDUK/AZAN MAGHRIB
- 6.48 SELINGAN: AL-QURAN/NASYID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 FALCON CREST: "Queen's Gambit" Chase dan Cole terlalu marah ketika menunggu Maggie membuat jaminan (bail) untuk mereka keluar dari pen-jara Tuscany County.
- 7.50 AZAN ISYAK
- 7.53 FALCON CREST — sambungan
- 8.35 EGYPTIAN MOSQUE
- 8.45 LIPUTAN NASIONAL
- 9.15 BINTANG REMAJA 1984
- 10.05 THE WORLD OF ISLAM: "Islamic Arts"
- 10.55 TOP OF THE HILL: Bhg. I Drama seorang lelaki yang bersung-guh-sungguh mencari sesuatu yang di-harapkannya boleh memberi makna kepada kehidupan dan kehendak per-ibadinya. Cerita berlatar belakangkan Winter Olympics di Lake Placid, Ame-rika Syarikat.
- 11.45 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 19 JUN

PETANG

- 3.45 PEMBUKAAN
- 3.47 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
- 3.57 SUSUNAN RANCANGAN
- 4.00 CANTINFLAS
- 4.30 NATURE OF THINGS: "Nuclear Power" (Episod terakhir)
- 5.00 BUGS BUNNY SHOW
- 5.25 WHIZ KIDS
- 6.00 BERITA AWAL
- 6.05 WHIZ KIDS — sambungan
- 6.20 CERAMAH MENJELANG SINGKAI
- 6.38 BEDUK/AZAN MAGHRIB
- 6.48 SELINGAN: AL-QURAN/NASYID

MALAM

- 7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
- 7.15 SCARECROW AND MRS. KING: "Savior"
- 7.50 AZAN ISYAK
- 7.53 SCARECROW AND MRS. KING — sambungan
- 8.15 WARTA BERITA
- 8.35 EGYPTIAN MOSQUE: "El Amry"
- 8.45 SPORTS SPECTACULAR
- 9.15 DYNASTY: "The Birthday" Denver Carrington menerima tawaran yang mencurahkan terhadap projek China Seas tetapi Black tetap hati-hati sementara menunggu detail yang lengkap.
- 10.05 TAYANGAN GAMBAR: "Avalanche Express" Drama seorang ketua KGB yang hen-dak berpaling tadah (defect) dalam sebuah kertaapi Belanda dihujani oleh runtuhan-runtuhan salji. Pelakon-pe-lakon: Mark Robson, Lee Marvin, Robert Shaw, Linda Evans, dll.
- 11.35 SIARAN TAMAT.

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

HARI RABU 13 JUN

PAGI: 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00 — Lagu-lagu Rampai-an (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Dandan Setia Siri Ke-2), 5.15 — Menuju Kesempurnaan Ibadat (SU), 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Diang Dangan, 9.30 — Hiburan Malam.

HARI KHAMIS 14 JUN

PAGI: 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait.

PETANG: 2.00 — Tetamu Radio, 2.30 — Fokus/Irama Pilihan, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama, 4.00 — Irama Gambus/Asli/Ghazal/Zapin, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-Lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

HARI JUMAAT 15 JUN

PAGI: 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran, 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menuai Sembahyang Fardu Jumaat.

TENGAH HARI: 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-Lagu Sentimental.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Irama Pilihan (SU), 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Irian Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Dendang Remaja, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

HARI SABTU 16 JUN

PAGI: 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu dari filem.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Siaran Wahyu
6.15 Pedoman Hidup
6.30 Membacakan Susunan Rancangan
6.33 Dendang Suria
7.00 Dendang Suria
7.10 Panduan Sukan

TENGAH HARI

11.30-12.45 Untuk Awda
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad)

PETANG

4.30 Rampai Petang
6.00 Menuju Keredaan Allah
Siaran langsung menuai nika sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin.

MALAM

7.30 Majalah Radio
10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA:

6.45 pagi (Berita-berita dalam dan luar negeri)
8.00 pagi
10.00 pagi
12.45 tengah hari
1.30 tengah hari (tiap-tiap hari Jumaat)

3.00 petang
5.30 petang
8.00 malam

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

PETANG: 2.00 — Bintang Remaja, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.
MALAM: 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Majalah Perdana, 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

HARI AHAD 18 JUN

PAGI: 9.00 — Hiburan Pilihan, 9.30 — Taman Mekar, 10.15 — Majalah Perdana (SU), 11.30 — Dendang Remaja (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Tahniat dan Ucapan Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

PETANG: 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Fokus (SU), 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah

Belait (SU), 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00 — Senandung Malam, 9.30 — Pilihan Pendengar.

HARI ISNIN 17 JUN

PAGI: 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Ira Kencana.

T/HARI: 1.30 — Permintaan Hari Isnin, PETANG: 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Rampai Petang, 4.15 — Ruangan Katani, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah (SU).

MALAM: 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Selingan Irama (SU), 8.30 — Kuliah

Ugama (SU), 8.45 — Lagu-lagu Keroncong, 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutjukan Lagu.

HARI SELASA 19 JUN

PAGI: 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-Lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita.

T/HARI: 1.30 — Kusampaikan Salam.

PETANG: 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastera (SU), 3.30 — Ira Kencana (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Ruangan Katani (SU), 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Irama Malam, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

P.M.

8.00 Talking About Music
8.30 Hello Tomorrow
9.00 Popular Classis — 18/22.
9.30 Wagner's Ring: An Appreciation

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme
8.15 World Theatre: Present Laughter (side 1 & 2 of 4)
9.30 Jazz at The Questors: Georgie Fame and The Blue Flames (Prog. 3 side 3).

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Brunei Traditional Music (repeat) (24)
11.15 Light Music From The Netherlands — 584/604.
11.30 Children's half hour.

NOON

12.00 Stringsound — 54/59
12.45 My Music — 305/436.

P.M.

1.15 Book Club: Treasure Island by Roberts Louis Stevenson 9/13.
1.30 Break For Music with Malay Traditional Songs — 25/26.
1.45 Just For Variety by continuity announcer.
2.00 Soundtrack of The Sixties (K841-9 side 2B & 3B).
4.00 Chinese Programmes.

8.00 The World of Books.

8.30 Thirty-Minute Theatre: "A Word In Time" by Angela Sewell.
9.00 Perspective
9.30 A Date with . . . (repeat).

Saturday

P.M.

2.00 Just For Variety
3.00 Gurkhal Programmes.
8.00 Hits In Germany
8.30 Animal, Vegetable and Mineral — 23/30.
9.00 Strictly Instrumental.
9.30 Top of The Pops — 1021.

Sunday

A.M.

11.00 Our Views — with chairlady Mordiah Haji Jackia.
11.30 Practical World.
11.45 London This Week.

NOON

12.00 A Date with . . .
12.45 Review of the Week by Ideris Ali.
1.00 Tap of The Pops — 1021 (repeat).
1.30 Weekend Greetings — 25.
2.30 Brunei Traditional Music — 25.
2.45 Albert And Me by Jim Eldridge: Comedy series about adventures misadventures of an unmarried father and His Baby son — 5/8.
3.15 Just For Variety.

P.M.

8.00 Our Views (repeat).
8.30 BBC Science Magazine.
9.00 Beautiful Music — 17/60.
9.30 Soundtrack of The Sixties (K841-10 side 1A).

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five: "Comic Cuts" by Elizabeth Troop.
by Shelagh Delaney.
8.45 Jim Reeves and His Music (Prog. 4 side 2 of 2).
9.30 A Play On Words — 51.

Tuesday

P.M.

8.00 Just For You.
9.00 In Sentimental Mood.
9.30 Stereo Pop Special: "Thompson Twins" side 1.

Daily

A.M.

6.29 Jingle.
6.30 Allah Peliharakan Sultan.
6.32 Quran and It's translation.
6.45 Berita Perdana followed by Patriotic Song, Brunei's AM Welcome, Weather Forecast, Brunei In History.
7.30 Local News, tide times.
7.35 Brunei's AM (continued).
8.30 Chinese Programmes.
11.00 Ladies At Eleven — except Friday and Sunday.

NOON

12.00 Lunch Break — except Friday and Sunday.
12.30 News, Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History.
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursday.
4.00 Chinese down for morning transmission on Fridays and Sundays.

P.M.

9.15 News.



ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

PEGAWAI BERTAULIAH JANGKA PENDEK TENTERA UDARA

1. ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI mempelawa pemuda-pemuda Negara Brunei Darussalam untuk memasuki satu kerjaya yang mencabar lagi mulia sebagai Pegawai Bertauliah Jangka Pendek Juruterbang di dalam Tentera Udara Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Tentera Udara ini sedang berkembang dan memerlukan anak-anak muda untuk dilatih sebagai juruterbang.

2. Angkatan ini percaya Awang-Awang bersedia untuk menerima cabaran ini. Memohonlah sekarang, temuduga Lembaga Pemilihan Pegawai-Pegawai akan diadakan dalam akhir bulan Julai 1984. Awang-Awang mestilah menghantar permohonan Awang-Awang kepada Pemerintah, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Berakas Garrison dan sampai tidak lewat dari hari Isnin 25 Jun, 1984.

Untuk terpilih, Awang-Awang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut:

- Awang-Awang mestilah dilahirkan di Brunei dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang terdiri daripada orang-orang Melayu dari kaum jati puak-puak Belait, Bisaya, Brunei, Dusun, Kedayan, Murut dan Tutong.
- Jika Awang-Awang bukan dari kaum jati puak-puak tersebut, Awang mestilah beragama Islam dan menyesuaikan diri Awang dengan adat resam orang-orang Melayu yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam dan rakyat kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam yang tertakluk kepada sebarang undang-undang bertulis yang berhubung dengan taraf kebangsaan.
- Berkelulusan pelajaran GCE peringkat 'O' di dalam Bahasa Inggeris (kelulusan 8 adalah diterima). Ilmu Hisab dan satu mata pelajaran Sains (kredit 6 ke atas). Calon-calon yang mempunyai kelulusan akademik yang lebih tinggi akan diberikan keutamaan.
- Awang-Awang mestilah masih bujang dan berumur antara 17½ hingga 25 tahun pada 27 Ogos, 1984.
- Tinggi sekurang-kurangnya 5 kaki 1 inci dan berat badan tidak kurang 105 paun.
- Lulus pemeriksaan kesihatan tentera.

3. Jika Awang terpilih sebagai calon Pegawai Bertauliah Jangka Pendek Juruterbang, Awang akan menjalani latihan asas tentera tidak kurang selama 8 minggu di Pusat Latihan, Perkhemahan Bolkliah dan diikuti dengan kursus Pegawai Kadet di Maktab Tentera Diraja Cranwell, United Kingdom. Setelah tamat dan lulus berkursus Awang akan menerima tauliah sebagai Leftenan Muda di dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Latihan asas penerbangan dijalankan di Negara Brunei Darussalam.

4. Borang-borang permohonan serta penerangan lanjut boleh didapati daripada:

- Pegawai Pengambilan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Pusat Latihan
Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
Perkhemahan Bolkliah
Bandar Seri Begawan
Telefon: 30531 samb: 111 atau 112
- Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Bandaran
Bandar Seri Begawan
- Pusat Pengambilan ABDB
Bilik Bacaan
Tutong
- Pusat Pengambilan ABDB
Dewan Kemasyarakatan
Kuala Belait
- Pejabat Pengambilan ABDB
Bangar
Temburong.

Dan untuk kemudahan-kemudahan perhubungan sila berikan nombor telefon Awang-Awang dalam permohonan Awang-Awang.

PEGAWAI WANITA BERTAULIAH TETAP

1. ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI menawarkan pemuda-pemuda Negara Brunei Darussalam kerjaya yang penuh mencabar lagi mulia. Angkatan ini mempelawa wanita-wanita yang layak sebagai calon untuk jawatan Pegawai Wanita Bertauliah Tetap dalam Kompeni Askar Wanita, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Angkatan ini mempunyai beberapa jenis kerja-kerja yang menarik khas disediakan untuk memenuhi kecenderungan bakal calon-calon wanita.

2. Jika Dayang-Dayang mempunyai kelayakan-kelayakan pelajaran yang dikehendaki, Angkatan ini akan membantu Dayang-Dayang untuk dilatih menjadi seorang pegawai dan pemimpin dalam Kompeni Askar Wanita.

Memohonlah sekarang, temuduga Lembaga Pemilihan Pegawai-Pegawai akan diadakan akhir bulan Julai 1984. Dayang-Dayang mestilah menghantar permohonan Dayang-Dayang kepada Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Berakas Garrison dan sampai tidak lewat dari hari Isnin 25 Jun, 1984.

Untuk terpilih, Dayang-Dayang mestilah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan seperti berikut:

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 23 Jun, 1984.

(Bil iklan : 111/1984)

(E/198/76).

SEBAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkecayaan untuk dilantik sebagai **KETUA PEMBANTU TEKNIK** di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab :

C. 3-4 EB. 5 — \$1735-\$2580 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Pemohon-pemohon mesti-

lah berumur 25 hingga 40 tahun.

- Mestilah mempunyai Higher National Diploma dalam Kejuruteraan Awam dari sesebuah Maktab Teknikal yang diiktiraf atau kelulusan yang sebanding dengannya.

- Mestilah mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam bidang kerja-kerja bangunan, ukur

kuantiti dan kejuruteraan mekanikal. Pengalaman dalam kerja-kerja pengawasan mesin-mesin, perkakas-perkakas dan alat-alat sukan dengan baik adalah satu kelebihan.

Tugas-tugas :

Bertanggungjawab ke atas segala pengawasan dan pemeliharaan bangunan-bangunan, jentera-jentera, mesin-mesin, perkakas-perkakas dan peralatan-peralatan sukan jabatan yang digunakan untuk perkembangan belia dan sukan.

Syarat-syarat Lantikan :

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan. Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei. Tarikh tutup : 30 Jun, 1984. (Bil iklan : 106/1984) (E/2288/81).

Sebagai Tukang Kayu Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai **TUKANG KAYU TINGKAT II** di Pejabat Daerah Belait, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab : F. 3-4 EB. 5 — \$430-\$560 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Pemohon-pemohon mestilah berumur sekurang-kurangnya 20 tahun dan lulus Darjah V Sekolah Melayu atau yang sebanding dengannya serta mahir dengan pekerjaan Tukang Kayu; atau,

- Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan persekolahan tetapi boleh menulis dan membaca serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dan kecekapan sebagai Tukang Kayu akan juga dipertimbangkan.

- Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam hal pertukangan kayu seperti berikut :—

- Boleh menyediakan rangka dan lukisan

untuk kerja-kerja pertukangan kayu.

- Boleh membuat kerja-kerja pertukangan kayu dengan berpandu-kayu lukisan-lukisan.

- Mempunyai pengalaman dalam hal pertukangan kayu dengan menggunakan perkakas kuasa elektrik, merupakan satu kelebihan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup : 23 Jun, 1984.

(Bil iklan : 104/1984)

(E/297/84).

Sebagai Juru Tulis Jawi

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam, berbangsa Melayu, beragama Islam mengikut Mazhab Shafie Ahli Sunnah Wal-Jema'ah untuk dilantik sebagai **JURU TULIS JAWI** di Pejabat Hal Ehwal Ugama, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab : C. 1-2 EB. 3 — \$1110-\$1980 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Berumur tidak kurang dari 25 tahun.
 - Calon-calon hendaklah mempunyai salah satu daripada kelayakan-kelayakan berikut :—
- Sijil Pelajaran Ugama, Negara Brunei Darussalam.
 - Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa dengan mendapat kelulusan empat mata pelajaran termasuk mata pelajaran Pengetahuan Ugama Islam serta mempunyai Sijil Darjah VI Sekolah Ugama.
 - Hendaklah mempunyai kepandaian dan pengalaman yang luas dalam hal tulisan Jawi yang cantik.
 - Calon-calon yang mempunyai kelayakan di (ii) di atas tetapi telah berkhidmat dengan Kerajaan seperti salah satu dari-

pada yang dinyatakan di bawah bolehlah dipertimbangkan.

- 7 tahun perkhidmatan, 3 tahun daripadanya dalam jawatan yang ada hubungannya dengan menggunakan kepandaian dalam tulisan Jawi yang cantik.
- Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat tidak kurang dari 10 tahun dan mempunyai kepandaian dan pengalaman yang luas dalam hal tulisan Jawi yang cantik.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 23 Jun, 1984.

(Bil iklan : 109/1984)

(E/68/74).

Di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENGARANG KANAN

Tanggungjawab : C. 3-4 EB. 5 — \$1735-\$2580 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Mempunyai Diploma atau Sijil Seni Kreatif di bidang kesasteraan dari mana-mana Institusi/Maktab yang diakui.

ATAU

Mempunyai kelulusan dalam 2 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'A' dan sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Peringkat 'O' dan mempunyai pengalaman dan kecenderungan dalam kerja-kerja penulisan kreatif sastera dan kebudayaan sekurang-kurangnya selama 2 tahun.

ATAU

Mereka yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 7 tahun sebagai Pengarang di dalam Institusi Penerbitan Kerajaan atau swasta akan juga dipertimbangkan. Mereka hendaklah dapat menunjukkan kerja-kerja yang sudah diterbitkan.

- Menguasai Bahasa Inggeris (membaca, menulis dan menterjemah). Menguasai satu bahasa ketiga adalah merupakan satu kelebihan.

2. PENGARANG

Tanggungjawab : C. 2 EB. 3 — \$1260-\$1980 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Mempunyai Diploma HND dalam mata pelajaran yang bersesuaian dan/atau lulus mata pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu Peringkat Tertinggi dan tiga mata pelajaran Peringkat Biasa (tidak termasuk mata pelajaran senilukis) dalam Sijil Am Pelajaran.

ATAU

Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun di dalam institusi penerbitan dan penuh giat dalam kerja-kerja yang berkaitan;

ATAU

Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam penulisan kreatif sastera serta esai sastera dan kebudayaan dan dapat menunjukkan karya-karya yang sudah diterbitkan.

- Dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik.

3. PEMBANTU PENYELIDIK

Tanggungjawab : D. 1-2-3 EB. 4-5 — \$425-\$1290 sebulan.

- Mempunyai kelulusan 3 mata pelajaran Peringkat 'O' (tidak termasuk mata pelajaran senilukis) dalam Sijil Am Pelajaran dan dapat menguasai 2 bahasa (satu daripadanya bahasa Melayu); dan

- Mempunyai bakat dan pengalaman dalam kerja-kerja penyelidikan kebudayaan tempatan serta dapat menulis dan membaca Jawi dengan baik.

4. ATENDAN PERPUSTAKAAN

Tanggungjawab : E. 1-2-3 EB. 4 — \$410-\$700 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman :

- Pemohon-pemohon mestilah sekurang-kurangnya menduduki Tingkat V, dan dapat menguasai dua Bahasa (satu daripadanya Bahasa Melayu).
- Dapat membaca dan menulis Jawi dengan baik.

- Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelayakan yang tersebut di atas, tetapi mempunyai pengalaman yang luas mengenai dengan kerja-kerja Atendan sekurang-kurangnya selama 5 tahun dan pernah mengikuti kursus-kursus Perpustakaan boleh juga dipertimbangkan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Tingkat 4, Bangunan SPA dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 26 Jun, 1984.

Bilangan iklan : 1115/1984

(E/1091/77)

JAWATAN KOSONG DAN PEMBERTAHUAN TAWARAN

Penolong Ketua Pegawai Belia dan Sukan

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon berkelayakan yang sesuai untuk mengisi jawatan PENOLONG KETUA PEGAWAI BELIA DAN SUKAN di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebajikan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: B.2 EB.3 — \$1975-2050-2125-2205-2285-2365-2445-2525-2610-2690-2775-2870-2965-3070-3175-3280/EB/3350-3445-3540-3640.

Kelayakan dan Pengalaman:

- a) Pemohon-pemohon hendaklah berumur 25-40 tahun.
- b) Mempunyai kelulusan ijazah B.A. in Public and Social Administration dari Universiti atau Pusat Pengkajian Tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan.

ATAU

- c) Mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Diploma in Sports Management and Youth Work yang diiktiraf oleh Kerajaan serta mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 5 tahun dalam pentadbiran Hal Ehwal Belia dan Sukan secara profesional.
- d) Pemohon-pemohon yang tidak mempunyai kelulusan di atas tetapi mempunyai pengalaman tidak kurang dari 10 tahun dalam pentadbiran hal ehwal belia dan sukan serta mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya G.C.E. 'O' level dalam aliran Inggeris dan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dan telah menjalani latihan-latihan, kursus-kursus dan seminar-seminar di peringkat antarabangsa dalam hal ehwal belia dan sukan bolehlah juga dipertimbangkan.

Tugas-Tugas:

Calon-calon yang berjaya dilantik ke jawatan tersebut mestilah bersedia untuk bertugas bila-bila masa dikehendaki di luar masa pekerjaan biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (shift) dan mestilah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di dalam Negara Brunei Darussalam.

Syarat-syarat Lantikan

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Tingkat 4, Bangunan SPA dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 23 Jun, 1984.

Bilangan iklan: 103/1984.

(E/2299/81)

PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat 25 Jun 1984 jam 12.00 tengah hari. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkliah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat; Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkliah Kem, ABDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

BIL. PROC/T/106/84

MEMBEKAL: TEST SECTION ROOF.

Cagaran: \$300.00.

BIL. PROC/T/107/84

MEMBEKAL: VEEBOARD.

Cagaran: \$150.00.

BIL. PROC/T/108/84

MEMBEKAL: COMPASS SILVA.

Cagaran: \$100.00.

BIL. PROC/T/109/84

MEMBEKAL: M100 P INTERCOM SYSTEM.

Cagaran: \$300.00.

BIL. PROC/T/110/84

MEMBEKAL: HAM-MOCK COMPLETE, NET MOSQUITO JUNGLE DAN HEL-MET STEEL OUTER/INNER COMPLETE.

Cagaran: \$300.00.

BIL. PROC/T/111/84

MEMBEKAL: ALAT-ALAT GANTI KAPAL (WASPADA CLASS) DAN LAIN-LAIN.

Cagaran: \$300.00.

BIL. PROC/T/112/84

MEMBEKAL: CANOPY, TYPE SAFETY STAR-COLOUR WHITE (CW RISERS, BAG, PILOT CHUTE WONDERHOE II) DAN LAIN-LAIN.

Cagaran: \$300.00.

BIL. PROC/T/113/84

MEMBEKAL: HEXA-MINE C/W COOKER DAN HEXAMINE REFILLS WITHOUT COOKER.

Sebagai Tukang Kayu Tingkat II

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai TUKANG KAYU TINGKAT II, di Pejabat Laut, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: F.3-4 EB. 5—\$430-\$560 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- a) Pemohon-pemohon mestilah berumur tidak kurang dari 20 tahun serta mempunyai 3 tahun pengalaman praktikal sebagai Tukang Kayu Perahu.
- b) Pemohon-pemohon mestilah lulus Darjah V Melayu atau yang sebanding dengannya, tetapi kelulusan yang rendah akan diterima bagi Pegawai-Pegawai yang lebih tua.
- c) Pemohon-pemohon mestilah berkebolehan dalam kerja-kerja membuat dan membaiki serta kerosakan-kerosakan perahu-perahu Motosangkut dan Tamui-Tamui serta membaiki kapal-kapal penum-pang yang kecil.
- d) Pemohon-pemohon mestilah mempunyai pengetahuan yang baik mengenai

jenis-jenis kayu dan alat-alat pengikat yang digunakan di dalam pembinaan kapal-kapal dan bot-bot bermotor.

- e) Calon-calon akan diberikan ujian pertukangan untuk menilai kebolehan mereka sebagai Tukang Kayu Perahu.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonan melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan-pemohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 23 Jun, 1984.

(Bil iklan: 110/1984)

(E/1824/76).

TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN NEGARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

No. 39/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 25 Jun, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam: —

PEMBEKALAN GALVANISED IRON PIPE FITTING.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 40/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 25 Jun, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam: —

PEMBEKALAN DOBULE BEAT FLOAT VALVE.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 41/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 25 Jun, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan

Negara, Negara Brunei Darussalam: —

PEMBEKALAN BATTERY 12 VOLTS 60AH 9 PLATES

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 42/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 25 Jun, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam: —

PEMBEKALAN TYRE 12.00 X 20 - 16 PLY YOKOHAMA 'Y12'

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

No. 43/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 25 Jun, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Negara Brunei Darussalam: —

PEMBEKALAN MOP SPONGE MINIT C/W HANDLE.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

SEBAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai KETUA PEMBANTU TEKNIK di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: C.3-4 EB.5—\$1735-\$2580 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- a) Pemohon-pemohon mestilah berumur 25 hingga 40 tahun.
- b) Mestilah mempunyai dalam kejuruteraan Awam Higher National Diploma dari sesebuah Maktab Teknikal yang diiktiraf atau kelulusan yang sebanding dengannya.

Syarat-Syarat Tawaran

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk

membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Brunei akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Brunei.

Borang permohonan boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Bertanggungjawab ke atas segala pengawasan dan pemeliharaan bangunan-bangunan, jentera-jentera, mesin-mesin, perkakas-perkakas dan peralatan-peralatan sukan jabatan digunakan untuk perkembangan belia dan sukan.

Tarikh tutup: 23 Jun, 1984.

(Bil iklan: 106/1984)

(E/2288/81).

Sebagai Penyunting Kanan (Inggeris)

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENYUNTING KANAN (INGGERIS) di Jabatan Penerangan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Tanggagaji: C.3-4 EB.5 —\$1735-\$2580 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman:

- a) Lulus mata pelajaran Bahasa Melayu/Kesusasteraan Melayu 'A' Level dan tiga mata pelajaran 'O' Level termasuk Bahasa Inggeris (tidak termasuk mata pelajaran Seni Lukis); atau;
- b) Mempunyai Diploma yang diakui dalam bidang penerbitan dan percetakan atau pernah mengikuti kursus dalam bidang seni kreatif penulisan.
- c) Mempunyai pengalaman dalam menyelenggarakan penyuntingan buku dan majalah tidak kurang 3 tahun.
- d) Fasih menulis dan bertutur dalam Bahasa Inggeris.

Syarat-syarat Lantikan:

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Pemohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 10 Julai, 1984.

(Bil iklan: 116/1984)

(E/73/80).

TAWARAN JABATAN PERKHIDMATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK

BIL. PPL/73/1984

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI MESIN MESIN KAYU DI BAHAGIAN PERABOT, J.K.R., BERAKAS.

Tarikh tutup: 18 Jun, 1984, jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$200.00.

Kelayakan bagi Pemborong: Internal Wiring Kelas "A" dan "B".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan Perkhidmatan Bangunan.

BIL. PPL/74/1984

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 4 BILIK-BILIK DARJAH TAMBAHAN DI S.M. BENGKURONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1984, jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$100.00.

Kelayakan bagi Pemborong: Internal Wiring Kelas "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan Perkhidmatan Bangunan.

BIL. PP/75/1984

Tajuk Kerja: PEMASANGAN SEMULA KAWAT ELEKTRIK UNTUK PERUBATAN DAN PEMBAHARUAN IBU PEJABAT KERJA RAYA LAMA KEPADA PEJABAT KASTAM, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 25 Jun, 1984, jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: \$100.00.

Pemborong bagi Kelayakan: Internal Wiring Kelas "A", "B" dan "C".

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan Perkhidmatan Bangunan.

MBB anjur pertandingan Quran belia

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Belia-Belia Brunei akan menganjurkan pertandingan membaca ayat-ayat suci Al-Quran yang terbuka kepada persatuan-persatuan belia dan kebajikan di Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Temburong.

Peraduan tersebut akan diadakan pada 8 Julai depan bertempat di Sekolah Agama Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Kg. Saba (PERKASA).

SYARAT

Setiap persatuan atau badan-badan kebajikan dibenarkan menghantar seorang Qari dan Qariah, manakala persatuan belia atau badan kebajikan yang mempunyai cawangan-cawangan di seluruh negara hendaklah menghantar seorang Qari dan Qariah sahaja.

Para peserta mestilah terdiri dari Warganegara Brunei, berumur 16 tahun hingga 28 tahun dan salinan surat beranak dan kad pengenalan hendaklah disertakan bersama borang penyertaan.

TIDAK DIBENARKAN

Mereka yang tidak dibenarkan mengambil bahagian ialah peserta Peraduan Quran Dewasa Peringkat Negara, Peringkat Daerah, Johan Peraduan Quran Dewasa Peringkat Daerah. Para peserta Peraduan Quran Kanak-Kanak Sekolah-Sekolah Menengah dan Maktab-maktab Peringkat Akhir.

Anggota-anggota Pasukan Bersenjata dan para peserta yang pernah bertanding di peringkat akhir peraduan Quran antara Jabatan-Jabatan Kerajaan yang berpakaian seragam; peserta pertandingan akhir Quran antara Jabatan Kerajaan bahagian Perhubungan dan Pengangkutan; Johan membaca Quran Belia anjuran Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan dan Johan pada setiap persatuan yang menganjurkan Musabiqah Al-Quran.

TUJUAN

Menyebarkan Dakwah Islamiah di kalangan belia-belia, menggalakkan belia supaya sentiasa mendampingi diri mereka kepada

Baharu lesen memandu

ADALAH diingatkan kepada pemegang-pemegang lesen memandu bahawa mereka boleh membaharu lesen mereka yang sahnya bermula dari 1 Julai, 1984, mulai dari 18 Jun ini dan bukannya lesen yang sahnya bermula dari 18 Julai seperti yang terdapat dalam para ketiga di bawah tajuk "Baharu lesen memandu lebih awal" yang disiarkan di muka 1 keluaran minggu lalu.

ajaran-ajaran agama Islam.

Borang-borang bagi menyertai peraduan boleh didapati dari Awg. Haji Mohd. Yusof bin Abu Bakar, Pejabat Kebajikan Belia dan Sukan; Awang Ismail bin Zainal, Pejabat Adat Istiadat Awg. Haji Suhaili bin Haji Ahmad, Jabatan Perkhidmatan Pos. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 20 Jun, 1984.



TUAN Yang Terutama Awang John Macartney Starey ketika menyampaikan sumbangan itu kepada Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Dayang Fatimah bte Haji Mohd Hussein.

Kerajaan Australia sumbangkan buku untuk perpustakaan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka baru-baru ini telah menerima kunjungan Pesuruhjaya Tinggi Australia ke negara ini, Tuan Yang Terutama Awang John Macartney Starey. Kunjungan Yang Terutama itu ialah untuk menyampaikan beberapa set buku-buku perpustakaan sumbangan dari Kerajaan Australia.

Buku-buku tersebut telah disampaikan kepada Pemangku Pengarah DBP, Dayang Fatimah bte Haji Mohd Hussein oleh Tuan Yang Terutama.

Buku-buku itu berupa ensiklopedia; buku-buku umum; dan buku-buku untuk bacaan kanak-kanak yang kesemuanya mengenai Australia.

Ini adalah kali pertama jabatan itu menerima sumbangan sedemikian dari Suruhanjaya asing di negara ini.

Hadir di majlis itu ialah Pemangku Ketua Perpustakaan, Dayang Nellie bte Haji Sunny.

PERINTAH PENYALAHGUNAAN DADAH KUATKUASA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kementerian Undang-Undang mengumumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah membuat satu Perintah yang digelar Perintah Darurat (Penyalahgunaan Dadah) (Pindaan), 1984. Perintah ini telah berjalan kuatkuasanya pada 4 Jun, 1984.

Tujuan Perintah ini dibuat ialah bagi mengubah hukuman-hukuman yang disyaratkan pada masa ini dalam Undang-Undang Penyalahgunaan Dadah, 1978 bagi maksud menyelaraskannya dengan hukuman-hukuman yang terdapat di negara-negara jiran. Perintah ini antaranya telah mengurangkan banyaknya dadah

yang dikawal yang didapati pada seseorang untuk menerima hukuman yang ditetapkan oleh Undang-Undang 1978 itu.

Dengan adanya penyalahgunaan hukuman yang terdapat di Negara Brunei Darussalam dengan hukuman-hukuman yang diperuntukkan dalam undang-undang penyalahgunaan dadah di negara-negara jiran maka adalah diharapkan ianya akan dapat menghalang pengedar-pengedar dadah dari beralih ke Negara Brunei Darussalam untuk menjalankan kegiatan mereka jika hukuman mengenai perkara ini adalah lebih ringan di sini dari apa yang dikenakan oleh negara-negara jiran.

Di samping meminda hukuman yang tertentu Perintah ini juga

mengadakan satu kesalahan yang baru iaitu memiliki dadah bagi maksud pengedaran dan memberikan kuasa penahan yang baru kepada mahkamah terhadap seseorang yang disyaki melakukan kesalahan di bawah Undang-Undang Penyalahgunaan Dadah.

Dengan ini adalah diingatkan kepada mereka-

mereka yang berkenaan supaya menjauhkan diri mereka daripada kegiatan-kegiatan yang tidak diinginkan ini atau menerima akibatnya. Pihak-pihak berkuasa di negara ini tidak akan teragak-agak untuk menguatkuasakan Undang-Undang ini demi untuk menghapuskan kegiatan-kegiatan merbahaya ini.

Pos kad raya lebih awal

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Orang ramai diingatkan supaya mempos surat-surat dan kad-kad Hari Raya lebih awal untuk memastikan surat-surat dan kad-kad itu sampai ke tempat yang dituju sebelum Hari Raya.

Ketua Pos Agung menyatakan, surat-surat dan kad-kad biasa yang ditujukan

ke Singapura, Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak hendaklah dikirim tidak lewat dari hari Sabtu 16 Jun manakala bungkusan-bungkusan yang ditujukan ke negeri-negeri itu pula hendaklah dikirim tidak lewat dari hari Isnin 11 Jun.

Bagi surat-surat dan kad biasa serta bungkusan yang ditujukan di dalam negeri hendaklah dikirimkan tidak lewat dari hari Rabu 20 Jun.

Manakala surat-surat, kad dan bungkusan yang dikirim melalui udara ke Singapura, Malaysia Barat, Sabah dan Sarawak hendaklah dipos tidak lewat dari hari Isnin 18 Jun.

Ketua Pos Agung juga mengingatkan orang ramai supaya membubuh setem dengan harga yang betul.

Katanya, setem untuk surat yang beratnya tidak melebihi 20 gram yang dihantar ke dalam negeri 10 sen sementara surat-surat dan kad yang sama beratnya yang dikirim ke Singapura dan Malaysia ialah 20 sen.

Setem untuk kad-kad Hari Raya yang dihantar ke dalam negeri ialah 10 sen manakala ke Singapura dan Malaysia yang tidak bertutup juga dikenakan harga 10 sen.

MUTIKA '84

BANDAR SERI BEGAWAN. — Radio Televisyen Brunei sekali lagi akan menganjurkan Pertandingan MUTIKA 1984. Pertandingan tersebut adalah acara tahunan yang dianjurkan oleh RTB bagi mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang seni suara.

Pertandingan tersebut terbuka kepada warga negara lelaki dan perempuan yang berumur di antara 19 dan 35 tahun.

Borang-borang penyertaan dan syarat-syarat pertandingan boleh didapati dari Penyambut Tetamu di Tingkat Bawah Bangunan RTB di ibu negara.

Borang-borang yang telah diisi hendaklah dikembalikan kepada Penerbit MUTIKA 1984 tidak lewat 18 Jun, 1984.

PEMBETULAN

BEBERAPA kesilapan telah terdapat di muka 20 keluaran minggu lalu. Tajuk berita di ruangan kedua sepatutnya Keputusan Peraduan Bacaan Jawi bukannya Tulisan Jawi.

Pg Haji Abdul Momin bin Pg Damit yang disebut sebagai Pengerusi Perarakan Tanglung Berjalan Kaki, Kereta dan Basikal Berhias

serta Peraduan Pancaragam Sekolah yang terdapat para ketiga di bawah tajuk Peraduan Pancaragam Sekolah, sebenarnya ialah Setiausaha Peraduan.

Kami memohon maaf atas kesilapan yang tidak disengajakan itu. — Penyunting.

Pencegahan Rasuah

Dari muka 1

mereka yang terlibat dalam rasuah terpaksa mengisytiharkan harta kekayaan mereka.

BAB 23B

Apabila seseorang yang sedang disiasat ataupun telah didakwa di Mahkamah di atas satu kesalahan di bawah Perintah ini, Pendakwaraya, boleh memberikan perintah bertulis kepada seseorang itu untuk tidak membuang ataupun berurusan dengan harta benda yang dimaksudkan tanpa kebenaran Pendakwaraya terlebih dahulu. Jika gagal mengikut perintah bertulis Pendakwaraya itu, dan seseorang itu membuang harta benda yang dimaksudkan dia akan dikenakan denda \$50,000 ataupun jumlah yang sebanding dengan harta benda yang dibuang, mana-mana yang paling tinggi dan dikenakan hukuman penjara selama 3 tahun.

BAB 23C

Pengarah Biro Mencegah Rasuah boleh menghadapkan satu permohonan bertulis kepada Majistret mengen-

daki seseorang yang sedang disiasat di atas satu kesalahan yang mana ianya adalah didakwa di bawah Perintah ini untuk menyerahkan dokumen-dokumen perjalanan kepada Pengarah. Sesiapa jua yang diberikan notis berkenaan oleh Majistret hendaklah mematuhi dan jika sebaliknya akan ditangkap dan dibawa ke hadapan Majistret untuk ditahan dalam penjara. Pasport itu jika diserahkan akan ditahan selama 6 bulan dan jika penyiasatan belum selesai permohonan lanjutan akan dibuat untuk menahan pasport itu selama 3 bulan lagi.

BAB 24A

Bab ini membolehkan kenyataan-kenyataan untuk diterima sebagai bukti keterangan dalam sesuatu perbicaraan di Mahkamah Undang-Undang.

Jadual Bab 2 — Badan-Badan Awam

Yang berikut telah dimasukkan dalam senarai Badan-Badan Awam:—

4 Loji Gas Cecair Brunei Berhad.

5 Coldgas Brunei Berhad.

PENGUMUMAN

PEGAWAI-PEGAWAI dari Jabatan Pengangkutan Darat akan berada di Daerah Temburong pada 18, 19, 20 dan 21 Jun, 1984. Maka semua tuan-tuan punya kenderaan di Daerah tersebut yang mana lesen-lesen kenderaan, lesen-lesen memandu mereka hendak diperbaharui dan pemegang-pemegang lesen sementara yang hendak memohon ujian memandu dan bagi mereka yang telah ditetapkan tarikh ujian masing-masing, bolehlah berhubung dengan Pegawai-pegawai yang berkenaan di Pejabat Daerah Temburong pada tarikh-tarikh di atas, pada waktu-waktu bekerja.

Dengan demikian lawatan ke Daerah Tutong pada tarikh tersebut adalah dibatalkan dan digantikan pada hari Sabtu 23 Jun, 1984.

Peraduan silat dan kuntau

BELAIT. — Satu peraduan Silat dan Kuntau sempena Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait pada 27 Mei lepas.

Dalam peraduan itu Awang Abd Rahman bin Haji Timbong telah muncul sebagai johan dalam kedua-dua bahagian iaitu Silat dan Kuntau dan seterusnya akan mewakili Daerah Belait di peringkat negara.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pegawai Daerah Belait Awang Haji Puasa bin Todin. — N.J.